



Kerajaan Malaysia

## **Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia**

### **MPSAS 37**

Pengaturan Bersama

Ogos 2016

## **MPSAS 37 – PENGATURAN BERSAMA**

### **Pengiktirafan**

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 37 adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 37, *Joint Arrangements* daripada *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements*, Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants*, IFAC) pada tahun 2015 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

*Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements* © 2015 terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh:  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
No. 1, Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000  
Faks : 03-88821765  
Web: <http://www.anm.gov.my>

# MPSAS 37 – PENGATURAN BERSAMA

## KANDUNGAN

---

	Perenggan
Objektif .....	1–2
Skop .....	3–6
Takrif .....	7–8
Pengaturan Mengikat .....	8
Pengaturan Bersama (lihat perenggan PA2–PA33) .....	9–22
Kawalan Bersama .....	12–18
Jenis Pengaturan Bersama .....	19–22
Penyata Kewangan Pihak Terlibat dalam Pengaturan Bersama .....	23–28
Operasi Bersama .....	23–26
Usaha Sama .....	27–28
Penyata Kewangan Berasingan .....	29–30
Peruntukan Peralihan .....	31–41
Usaha Sama - Peralihan daripada Kaedah Penyatuan Berkadar kepada Kaedah Ekuiti	32–36
Operasi Bersama - Peralihan daripada Kaedah Ekuiti kepada Perakaunan untuk Aset	
dan Liabiliti .....	37–40
Peruntukan Peralihan dalam Penyata Kewangan Berasingan Entiti .....	41
Tarikh Kuat Kuasa .....	42–43
Penarikan dan Penggantian MPSAS 8 .....	44
Lampiran A: Panduan Aplikasi	
Lampiran B: Pindaan kepada MPSAS Lain	
Contoh-Contoh Ilustrasi	
Perbandingan dengan IPSAS 37	

---

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 37, *Pengaturan Bersama*, dinyatakan dalam perenggan 1–44. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 37 haruslah dibaca dalam konteks objektifnya dan Prakata untuk Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menerapkan dasar perakaunan disebabkan tidak ada panduan yang jelas.

## Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk menetapkan prinsip-prinsip untuk pelaporan kewangan oleh entiti yang mempunyai kepentingan dalam pengaturan yang dikawal bersama (iaitu, pengaturan bersama).
2. Untuk memenuhi objektif dalam perenggan 1, Piawaian ini mentakrifkan kawalan bersama dan entiti yang merupakan pihak dalam pengaturan bersama perlu untuk menentukan jenis pengaturan bersama yang mana entiti tersebut terlibat dengan menilai hak dan obligasinya dan seterusnya mengakaunkan hak dan obligasi tersebut menurut jenis pengaturan bersama.

## Skop

3. Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan berdasarkan asas perakaunan akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini dalam menentukan jenis pengaturan bersama yang mana entiti tersebut terlibat dan semasa mengakaunkan hak dan obligasi pengaturan bersama tersebut.
4. Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti yang merupakan pihak dalam pengaturan bersama.
5. Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain daripada Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprises, GBE*).
6. *Prakata untuk Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

## Takrif

7. Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang ditentukan:

**Pengaturan mengikat**: Untuk tujuan Piawaian ini, pengaturan mengikat ialah pengaturan yang memberikan hak dan obligasi yang boleh dikuatkuasakan kepada pihak yang berkaitan seolah-olah pengaturan tersebut adalah dalam bentuk kontrak, termasuk hak daripada kontrak atau hak undang-undang lain.

**Pengaturan bersama** ialah pengaturan yang mana dua atau lebih pihak mempunyai kawalan bersama.

**Kawalan bersama** ialah perkongsian kawalan dalam pengaturan yang dipersetujui dengan cara pengaturan mengikat, yang wujud hanya apabila keputusan tentang aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.

**Operasi bersama** ialah pengaturan bersama yang mana pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan tersebut.

**Operator bersama** ialah pihak dalam operasi bersama yang mempunyai kawalan bersama ke atas operasi bersama tersebut.

**Usaha sama** ialah pengaturan bersama yang mana pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan tersebut.

**Pengusaha niaga bersama** ialah pihak dalam usaha sama yang mempunyai kawalan bersama ke atas usaha sama tersebut.

**Pihak dalam pengaturan bersama** ialah entiti yang mengambil bahagian dalam pengaturan bersama, tidak kira sama ada entiti tersebut mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut.

**Pembawa berasingan** ialah struktur kewangan yang boleh dikenal pasti secara berasingan, termasuk entiti undang-undang berasingan atau entiti yang diiktiraf oleh undang-undang, tidak kira sama ada entiti tersebut mempunyai personaliti undang-undang.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam *Glosari Istilah yang Ditakrifkan* yang diterbitkan secara berasingan. Istilah-istilah berikut ditakrifkan dalam MPSAS 34, *Penyata Kewangan Berasingan*, MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan* atau MPSAS 36, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama*: manfaat, kawalan, kaedah ekuiti, kuasa, hak perlindungan, aktiviti berkaitan, penyata kewangan berasingan dan pengaruh signifikan.

## **Pengaturan Mengikat**

8. Pengaturan mengikat boleh dibuktikan melalui beberapa cara. Pengaturan mengikat selalunya, tetapi tidak semestinya, secara bertulis, dalam bentuk kontrak atau perbincangan yang didokumenkan antara pihak terlibat. Mekanisme berkanun seperti badan perundangan atau eksekutif juga boleh mewujudkan pengaturan yang dapat dikuatkuasakan, serupa dengan pengaturan kontrak, sama ada dengan sendirinya, atau bersama dengan kontrak antara pihak terlibat.

## **Pengaturan Bersama (lihat perenggan PA2–PA33)**

9. Pengaturan bersama ialah pengaturan yang mana dua atau lebih pihak mempunyai kawalan bersama.
10. Pengaturan bersama mempunyai ciri-ciri berikut:
  - (a) Pihak-pihak terikat oleh pengaturan mengikat (lihat perenggan PA2–PA4).

- (b) Pengaturan mengikat memberikan kawalan bersama kepada dua atau lebih daripada pihak-pihak dalam pengaturan tersebut (lihat perenggan 12-18).

11. Pengaturan bersama merupakan sama ada operasi bersama atau usaha sama.

### **Kawalan Bersama**

12. Kawalan bersama ialah perkongsian kawalan dalam pengaturan, yang wujud hanya apabila keputusan tentang aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan. Perkongsian kawalan mungkin telah dipersetujui melalui pengaturan mengikat.
13. Entiti yang merupakan pihak dalam pengaturan hendaklah menilai sama ada pengaturan mengikat tersebut memberikan semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, kawalan ke atas pengaturan tersebut secara kolektif. Semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, mengawal pengaturan secara kolektif apabila mereka harus bertindak secara bersama untuk menasaskan ke arah aktiviti yang memberi kesan manfaat secara signifikan daripada pengaturan tersebut (iaitu, aktiviti berkaitan).
14. Setelah ditentukan bahawa semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, mengawal pengaturan secara kolektif, kawalan bersama wujud hanya apabila keputusan tentang aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada para pihak yang mengawal pengaturan secara kolektif.
15. Dalam pengaturan bersama, tidak ada pihak tunggal yang mengawal pengaturan tersebut secara sendirinya. Suatu pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas sesuatu pengaturan boleh menghalang sesiapa sahaja daripada pihak-pihak lain, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, daripada mengawal pengaturan tersebut.
16. Sesuatu pengaturan boleh berbentuk pengaturan bersama meskipun tidak semua pihaknya mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut. Piawaian ini membezakan antara pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan bersama (operator bersama atau pengusaha niaga bersama) dan pihak yang mengambil bahagian, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama, ke atas pengaturan bersama.
17. Entiti perlu menggunakan pertimbangan apabila menilai sama ada semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan. Entiti hendaklah membuat penilaian ini dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan (lihat perenggan PA5–PA11).
18. Jika fakta dan keadaan berubah, entiti hendaklah menilai semula sama ada entiti tersebut masih mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan.

### **Jenis Pengaturan Bersama**

19. Entiti hendaklah menentukan jenis pengaturan bersama yang mana entiti tersebut terlibat. Klasifikasi sesuatu pengaturan bersama sebagai operasi bersama atau usaha sama bergantung pada hak dan obligasi pihak-pihak yang terlibat terhadap pengaturan tersebut.

20. **Entiti menggunakan pertimbangan apabila menilai sama ada sesuatu pengaturan bersama merupakan operasi bersama atau usaha sama. Entiti hendaklah menentukan jenis pengaturan bersama yang mana entiti tersebut terlibat dengan mempertimbangkan hak dan obligasinya yang timbul daripada pengaturan tersebut. Entiti menilai hak dan obligasinya dengan mempertimbangkan struktur dan bentuk undang-undang pengaturan, terma-terma yang dipersetujui oleh pihak-pihak atau yang ditetapkan oleh badan perundangan atau eksekutif dan, jika berkaitan, fakta dan keadaan lain (lihat perenggan PA12–PA33).**
21. Kadangkala pihak-pihak terikat oleh sesuatu perjanjian rangka kerja yang menetapkan terma umum untuk melaksanakan satu atau lebih aktiviti. Perjanjian rangka kerja tersebut mungkin menetapkan bahawa pihak-pihak mewujudkan pengaturan bersama yang berbeza untuk mengendalikan aktiviti tertentu yang membentuk sebahagian daripada perjanjian tersebut. Walaupun pengaturan bersama tersebut terkait dengan perjanjian rangka kerja yang sama, jenisnya mungkin berbeza jika hak dan obligasi para pihak berbeza ketika melaksanakan aktiviti berbeza yang dikendalikan dalam perjanjian rangka kerja tersebut. Akibatnya, operasi bersama dan usaha sama boleh wujud bersama apabila para pihak melaksanakan aktiviti yang berbeza yang membentuk sebahagian daripada perjanjian rangka kerja yang sama.
22. **Jika fakta dan keadaan berubah, entiti hendaklah menilai semula sama ada jenis pengaturan bersama yang mana entiti tersebut terlibat telah berubah.**

## **Penyata Kewangan Para Pihak dalam Pengaturan Bersama (lihat perenggan PA34–PA37)**

### **Operasi Bersama**

23. **Operator bersama hendaklah mengiktiraf perkara berkaitan kepentingannya dalam sesuatu operasi bersama:**
  - (a) **Asetnya, termasuk bahagiannya daripada apa-apa aset yang dipegang bersama;**
  - (b) **Liabilitinya, termasuk bahagiannya daripada apa-apa liabiliti yang ditanggung bersama;**
  - (c) **Hasilnya daripada penjualan bahagiannya yang timbul daripada keluaran operasi bersama;**
  - (d) **Bahagiannya daripada hasil penjualan daripada keluaran operasi bersama; dan**
  - (e) **Belanjanya, termasuk bahagiannya daripada apa-apa belanja yang ditanggung bersama.**
24. **Operator bersama hendaklah mengakaunkan aset, liabiliti, hasil dan belanja yang berkaitan dengan kepentingannya dalam operasi bersama menurut MPSAS yang terpakai untuk aset, liabiliti, hasil dan belanja tertentu tersebut.**
25. Perakaunan untuk urus niaga seperti penjualan, sumbangan atau pembelian aset antara entiti dan operasi bersama yang mana entiti tersebut merupakan operator bersama dinyatakan dalam perenggan PA34–PA37.



26. Pihak yang mengambil bahagian dalam, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama ke atas, operasi bersama juga hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam pengaturan tersebut menurut perenggan 23–25 jika pihak tersebut mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan operasi bersama tersebut. Jika pihak yang mengambil bahagian dalam, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama ke atas, operasi bersama tidak mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan operasi bersama tersebut, pihak tersebut hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam operasi bersama tersebut menurut MPSAS yang terpakai untuk kepentingan tersebut.

### **Usaha Sama**

27. Pengusaha niaga bersama hendaklah mengiktiraf kepentingannya dalam usaha sama sebagai pelaburan dan hendaklah mengakaunkan pelaburan tersebut menggunakan kaedah ekuiti menurut MPSAS 36, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama*, melainkan entiti tersebut dikecualikan daripada menggunakan kaedah ekuiti seperti yang dinyatakan dalam Piawaian tersebut.
28. Pihak yang mengambil bahagian, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama ke atas, usaha sama hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam pengaturan tersebut menurut MPSAS yang berkaitan dengan instrumen kewangan, iaitu MPSAS 28, *Instrumen Kewangan: Pembentangan*, MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*, dan MPSAS 30, *Instrumen Kewangan: Pendedahan*, melainkan pihak itu mempunyai pengaruh signifikan ke atas usaha sama tersebut, yang mana pihak itu juga hendaklah mengakaunkan pengaruh ini menurut MPSAS 36.

### **Penyata Kewangan Berasingan**

29. Dalam penyata kewangan berasingannya, operator bersama atau pengusaha niaga bersama hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam:
- (a) Operasi bersama menurut perenggan 23–25; dan
  - (b) Usaha sama menurut perenggan 12 dalam MPSAS 34.
30. Dalam penyata kewangan berasingannya, pihak yang mengambil bahagian, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama ke atas, pengaturan bersama hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam:
- (a) Operasi bersama menurut perenggan 26; dan
  - (b) Usaha sama menurut MPSAS 29, melainkan entiti tersebut mempunyai pengaruh signifikan ke atas usaha sama tersebut, yang mana entiti tersebut hendaklah mengguna pakai perenggan 12 dalam MPSAS 34.

## **Peruntukan Peralihan**

31. Walaupun terdapat keperluan dalam perenggan 33 dalam MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, apabila Piawaian ini pertama kali diguna pakai, entiti hanya perlu membentangkan maklumat kuantitatif yang diperlukan oleh perenggan 33(f) dalam MPSAS 3, untuk tempoh tahunan terdekat sebelum tempoh tahunan pertama yang mana Piawaian ini diguna pakai ('tempoh terdekat sebelumnya'). Entiti boleh juga membentangkan maklumat ini untuk tempoh semasa atau untuk tempoh perbandingan lebih awal, tetapi tiada keperluan untuk berbuat demikian.

## **Usaha Sama - Peralihan daripada Penyatuan Berkadar kepada Kaedah Ekuiti**

32. Apabila berubah daripada penyatuan berkadar kepada kaedah ekuiti, entiti hendaklah mengiktiraf pelaburannya dalam usaha sama seperti pada awal tempoh terdekat sebelumnya. Pelaburan awal tersebut hendaklah diukur sebagai agregat amaun bawaan aset dan liabiliti yang entiti telah menyatukan sebelumnya secara berkadar, termasuk apa-apa muhibah diperolehi yang timbul daripada urusan niaga pembelian (panduan perakaunan untuk perolehan entiti dan peruntukan muhibah kepada usaha sama boleh didapati dalam piawaian antarabangsa atau nasional yang berkaitan mengenai gabungan entiti dan pengaturan bersama).
33. Penentuan baki awal pelaburan berdasarkan perenggan 32 adalah menggunakan kos anggapan pada pengiktirafan awal pelaburan. Entiti hendaklah mengguna pakai perenggan 43–48 MPSAS 36 untuk menaksir baki awal pelaburan sama ada-pelaburan tersebut terjejas dan hendaklah mengiktiraf apa-apa kerugian penjejasan sebagai pelarasan kepada lebihan atau kekurangan terkumpul pada awal tempoh terdekat sebelumnya.
34. Keseluruhan aset dan liabiliti yang sebelumnya disatukan secara berkadar jika dikumpulkan menghasilkan aset bersih bernilai negatif, entiti hendaklah menilai sama ada entiti tersebut mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif yang berkaitan dengan aset bersih bernilai negatif dan, jika demikian, entiti hendaklah mengiktiraf liabiliti sepadan. Jika entiti tersebut mendapati bahawa ia tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif yang berkaitan dengan aset bersih bernilai negatif tersebut, entiti hendaklah tidak mengiktiraf liabiliti sepadan tetapi melaraskan lebihan atau kekurangan terkumpul pada awal tempoh terdekat sebelumnya. Ia juga hendaklah mendedahkan fakta ini, bersama dengan bahagian kerugian terkumpul yang tidak diiktiraf daripada usaha sama seperti pada awal tempoh terdekat sebelumnya dan pada tarikh Piawaian ini pertama kali diguna pakai.
35. Entiti hendaklah mendedahkan pecahan aset dan liabiliti yang telah dikumpulkan ke dalam satu jaluran baki pelaburan seperti pada awal tempoh terdekat sebelumnya. Pendedahan tersebut hendaklah disediakan dengan cara penjumlahan untuk semua usaha sama yang mana entiti mengguna pakai keperluan peralihan yang dirujuk dalam perenggan 32–36.
36. Selepas pengiktirafan awal, entiti hendaklah mengakaunkan pelaburannya dalam usaha sama menggunakan kaedah ekuiti menurut MPSAS 36.

## **Operasi Bersama - Peralihan daripada Kaedah Ekuiti kepada Perakaunan untuk Aset dan Liabiliti**

37. Apabila berubah daripada kaedah ekuiti kepada perakaunan untuk aset dan liabiliti yang berkaitan dengan kepentingannya dalam operasi bersama, entiti hendaklah, pada awal tempoh terdekat sebelumnya, menyahiktiraf pelaburan yang sebelumnya diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti dan apa-apa item lain yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih entiti tersebut dalam pengaturan menurut perenggan 41 dalam MPSAS 36 dan mengiktiraf bahagiannya daripada setiap aset dan liabiliti yang berkaitan dengan kepentingannya dalam operasi bersama, termasuk apa-apa muhibah yang mungkin telah membentuk sebahagian daripada amaun bawaan pelaburan.
38. Entiti hendaklah menentukan kepentingannya dalam aset dan liabiliti yang berkaitan dengan operasi bersama berdasarkan hak dan obligasinya dalam perkadaran tertentu menurut pengaturan mengikat. Entiti mengukur amaun bawaan awal aset dan liabiliti dengan mengasingkannya daripada amaun bawaan pelaburan pada awal tempoh terdekat sebelumnya berdasarkan maklumat yang digunakan oleh entiti tersebut semasa menggunakan kaedah ekuiti.
39. Apa-apa perbezaan yang timbul daripada pelaburan yang sebelumnya diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti bersama dengan apa-apa item lain yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih entiti dalam pengaturan menurut perenggan 41 dalam MPSAS 36 dan amaun bersih aset dan liabiliti, termasuk apa-apa muhibah, yang diiktiraf hendaklah:
  - (a) Ofset terhadap apa-apa muhibah yang berkaitan dengan pelaburan dengan apa-apa baki perbezaan yang diselaraskan terhadap lebihan atau kekurangan terkumpul pada awal tempoh terdekat sebelumnya, jika amaun bersih aset dan liabiliti, termasuk apa-apa muhibah, yang diiktiraf adalah lebih tinggi daripada pelaburan (dan apa-apa item lain yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih entiti) yang dinyahiktiraf.
  - (b) Dilaraskan terhadap lebihan atau kekurangan terkumpul pada awal tempoh terdekat sebelumnya, jika amaun bersih aset dan liabiliti, termasuk apa-apa muhibah, yang diiktiraf adalah lebih rendah daripada pelaburan (dan apa-apa item lain yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih entiti) yang dinyahiktiraf.
40. Entiti yang berubah daripada kaedah ekuiti kepada perakaunan untuk aset dan liabiliti hendaklah menyediakan penyesuaian antara pelaburan yang dinyahiktiraf, dan aset dan liabiliti yang diiktiraf, bersama dengan apa-apa baki perbezaan yang dilaraskan terhadap lebihan atau kekurangan terkumpul, pada awal tempoh terdekat sebelumnya.

## **Peruntukan Peralihan dalam Penyata Kewangan Berasingan Entiti**

41. Entiti, menurut perenggan 58 dalam MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, yang sebelumnya menggunakan kaedah ekuiti, pada harga kos atau menurut MPSAS 29, dalam penyata kewangan berasingannya untuk mengakaunkan kepentingannya dalam operasi bersama sebagai pelaburan hendaklah:

- (a) Menyahiktiraf pelaburan dan mengiktiraf aset dan liabiliti yang berkaitan dengan kepentingannya dalam operasi bersama pada amaun yang ditentukan menurut perenggan 37–39.
- (b) Menyediakan penyesuaian antara pelaburan yang dinyahiktiraf, dan aset dan liabiliti yang diiktiraf, bersama dengan apa-apa baki perbezaan yang dilaraskan dalam lebih atau kurang terkumpul, pada awal tempoh terdekat sebelumnya.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

- 42. Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari, 2017. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan. Jika sesuatu entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari, 2017, entiti tersebut hendaklah mendedahkan fakta tersebut dan mengguna pakai MPSAS 34, MPSAS 35, MPSAS 36 dan MPSAS 38, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain*, pada masa yang sama.
- 43. Apabila entiti menggunakan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Berasaskan Akruan*, untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai untuk penyata kewangan tahunan entiti tersebut yang merangkumi tempoh bermula pada atau selepas tarikh pemakaian MPSAS.

## **Penarikan dan Penggantian MPSAS 8**

- 44. Piawaian ini menggantikan MPSAS 8, *Kepentingan dalam Usaha Sama*. MPSAS 8 masih terpakai sehingga MPSAS 37 digunakan atau dikuatkuasakan, mana yang lebih awal.

### Panduan Aplikasi

*Lampiran ini ialah bahagian penting dalam MPSAS 37.*

PA1. Contoh-contoh dalam lampiran ini menggambarkan situasi hipotesis. Walaupun sesetengah aspek contoh-contoh tersebut mungkin wujud dalam corak fakta sebenar, semua fakta dan keadaan yang berkaitan dengan corak fakta tersebut perlu dinilai apabila mengguna pakai MPSAS 37.

### Pengaturan Bersama

#### Pengaturan Mengikat (perenggan 8)

PA2. Konsisten dengan takrif pengaturan mengikat dalam Piawaian ini, perbincangan mengenai pengaturan mengikat ini juga berkaitan dengan pengaturan boleh dikuatkuasakan yang diwujudkan oleh badan perundangan atau eksekutif.

PA3. Apabila pengaturan bersama distrukturkan melalui pembawa berasingan (lihat perenggan PA19–PA33), pengaturan mengikat tersebut, atau sesetengah aspek dalam pengaturan mengikat tersebut, akan dimasukkan ke dalam artikel, piagam atau undang-undang kecil pembawa berasingan dalam sesetengah kes.

PA4. Pengaturan mengikat menetapkan terma-terma untuk pihak berkaitan mengambil bahagian dalam aktiviti yang merupakan subjek pengaturan tersebut. Pengaturan mengikat pada amnya mengendalikan hal-hal seperti:

- (a) Tujuan, aktiviti dan jangka masa pengaturan bersama.
- (b) Bagaimana ahli lembaga pengarah, atau badan pentadbir yang setara, dalam pengaturan bersama, dilantik.
- (c) Proses membuat keputusan: perkara yang memerlukan keputusan, hak mengundi dan tahap sokongan pihak berkaitan yang diperlukan untuk sesuatu perkara. Proses membuat keputusan yang ditunjukkan dalam pengaturan mengikat menetapkan kawalan bersama ke atas pengaturan (lihat perenggan PA5–PA11).
- (d) Modal atau sumbangan lain yang diperlukan daripada pihak berkaitan.
- (e) Bagaimana pihak berkaitan berkongsi aset, liabiliti, hasil, belanja atau lebihan atau kurangan yang berkenaan dengan pengaturan bersama.

## **Kawalan Bersama (perenggan 12–18)**

- PA5. Semasa menilai sama ada suatu entiti mempunyai kawalan bersama ke atas suatu pengaturan, suatu entiti hendaklah menilai dahulu sama ada semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak yang terlibat, mengawal pengaturan tersebut. MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan*, mentakrifkan kawalan dan hendaklah digunakan untuk menentukan sama ada semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak yang terlibat, terdedah, atau mempunyai hak, kepada manfaat yang berubah daripada penglibatan mereka dengan pengaturan dan mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi manfaat tersebut melalui kuasa mereka ke atas pengaturan. Apabila semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak yang terlibat, dipertimbangkan secara kolektif, dapat mengarahkan aktiviti yang secara signifikan mempengaruhi manfaat daripada pengaturan (iaitu, aktiviti berkaitan), pihak tersebut mengawal pengaturan tersebut secara kolektif.
- PA6. Selepas menyimpulkan bahawa semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak yang terlibat, mengawal sesuatu pengaturan secara kolektif, suatu entiti hendaklah menilai sama ada entiti tersebut mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut. Kawalan bersama hanya wujud apabila keputusan tentang aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang mengawal pengaturan secara kolektif. Penilaian sama ada pengaturan dikawal bersama oleh semua pihaknya atau oleh sekumpulan daripada pihak yang terlibat, atau dikawal oleh hanya salah satu daripada pihaknya, boleh dipertimbangkan.
- PA7. Kadang-kadang proses membuat keputusan yang dipersetujui oleh pihak berkaitan dalam pengaturan mengikat mereka, secara tersirat menjurus kepada kawalan bersama. Sebagai contoh, andaikan dua pihak mewujudkan suatu pengaturan yang mana masing-masing mempunyai 50 peratus daripada hak mengundi dan pengaturan mengikat antara mereka menyatakan bahawa sekurang-kurangnya 51 peratus hak mengundi diperlukan untuk membuat keputusan tentang aktiviti berkaitan. Dalam kes ini, pihak berkaitan telah bersetuju secara tersirat bahawa mereka mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut kerana keputusan tentang aktiviti berkaitan tidak dapat dibuat tanpa persetujuan daripada kedua-dua pihak.
- PA8. Dalam keadaan lain, pengaturan mengikat memerlukan satu perkadaran minimum daripada hak mengundi untuk membuat keputusan tentang aktiviti berkaitan. Apabila perkadaran minimum yang diperlukan daripada hak mengundi dapat dicapai oleh lebih daripada satu kombinasi pihak yang bersetuju bersama, pengaturan tersebut bukanlah pengaturan bersama, melainkan pengaturan mengikat tersebut menetapkan pihak mana (atau kombinasi pihak) yang diperlukan untuk bersetuju dengan sebulat suara terhadap keputusan mengenai aktiviti berkaitan pengaturan tersebut.

<b>Contoh Aplikasi</b>
<p><b>Contoh 1</b></p> <p>Andaikan bahawa tiga pihak mewujudkan suatu pengaturan: A mempunyai 50 peratus daripada hak mengundi dalam pengaturan tersebut, B mempunyai 30 peratus, dan C mempunyai 20</p>

peratus. Pengaturan mengikat antara A, B dan C menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 75 peratus daripada hak mengundi diperlukan untuk membuat keputusan mengenai aktiviti berkaitan pengaturan tersebut. Walaupun A boleh menyekat apa-apa keputusan, A tidak mengawal pengaturan tersebut kerana A memerlukan persetujuan B. Terma pengaturan mengikat mereka yang memerlukan sekurang-kurangnya 75 peratus daripada hak mengundi untuk membuat keputusan mengenai aktiviti-aktiviti tertentu yang memerlukan pengundian untuk menunjukkan bahawa A dan B mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut kerana keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan pengaturan tersebut tidak dapat dibuat tanpa persetujuan kedua-dua A dan B.


### **Contoh 2**

Andaikan suatu pengaturan mempunyai tiga pihak: A mempunyai 50 peratus daripada hak mengundi dalam pengaturan tersebut dan B dan C masing-masing mempunyai 25 peratus. Pengaturan mengikat antara A, B dan C menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 75 peratus daripada hak mengundi diperlukan untuk membuat keputusan mengenai aktiviti berkaitan pengaturan tersebut. Walaupun A boleh menyekat apa-apa keputusan, A tidak mengawal pengaturan tersebut kerana A memerlukan persetujuan sama ada daripada B atau C. Dalam contoh ini, A, B dan C mengawal pengaturan tersebut secara kolektif. Bagaimanapun, terdapat lebih daripada satu kombinasi pihak yang boleh bersetuju untuk mencapai 75 peratus daripada hak mengundi (iaitu, sama ada A dan B atau A dan C). Dalam keadaan sedemikian, untuk menjadi pengaturan bersama, pengaturan mengikat antara pihak berkaitan perlu menentukan kombinasi pihak mana yang diperlukan untuk bersetuju dengan sebulat suara terhadap keputusan mengenai aktiviti berkaitan pengaturan tersebut.

### **Contoh 3**

Andaikan suatu pengaturan yang mana A dan B masing-masing mempunyai 35 peratus daripada hak mengundi dalam pengaturan tersebut, dan baki 30 peratus dimiliki secara meluas oleh pihak-pihak lain. Keputusan mengenai aktiviti-aktiviti pengaturan tersebut memerlukan kelulusan oleh majoriti hak mengundi. A dan B mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut hanya jika pengaturan mengikat tersebut menetapkan bahawa keputusan mengenai aktiviti berkaitan pengaturan tersebut memerlukan persetujuan kedua-dua A dan B.

- PA9. Keperluan untuk persetujuan sebulat suara bermaksud bahawa mana-mana pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan boleh menghalang mana-mana pihak lain, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat dalam pengaturan tersebut, daripada membuat keputusan unilateral (mengenai aktiviti berkaitan) tanpa persetujuan sebulat suara. Jika keperluan untuk mendapatkan persetujuan sebulat suara hanya berkaitan dengan keputusan untuk memberikan hak perlindungan kepada pihak tertentu dan bukan untuk keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan pengaturan, pihak tersebut bukanlah pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut.
- PA10. Pengaturan mengikat mungkin termasuk klausa mengenai resolusi pertikaian, seperti penimbangan. Peruntukan ini mungkin membolehkan keputusan dibuat semasa ketiadaan persetujuan sebulat suara antara pihak yang mempunyai kawalan bersama. Kewujudan peruntukan sedemikian tidak menghalang pengaturan daripada dikawal bersama dan, akibatnya, daripada menjadi pengaturan bersama.



PA11. Apabila sesuatu pengaturan adalah di luar skop MPSAS 37, *Pengaturan Bersama*, entiti yang berkaitan akan mengakaunkan kepentingannya dalam sesuatu pengaturan menurut MPSAS yang berkaitan, seperti MPSAS 35, MPSAS 36, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama* atau MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pembentangan*.

### **Jenis Pengaturan Bersama (perenggan 19–22)**

PA12. Pengaturan bersama ditubuhkan untuk pelbagai tujuan (contohnya, sebagai satu cara bagi berkongsi kos dan risiko antara pihak-pihak yang terlibat, atau sebagai cara untuk memberikan pihak-pihak tersebut akses kepada teknologi baharu atau pasaran baharu), dan boleh ditubuhkan dengan menggunakan struktur dan bentuk undang-undang yang berbeza.

PA13. Seseengah pengaturan tidak memerlukan aktiviti yang merupakan subjek dalam pengaturan untuk dijalankan dalam struktur fungsi berasingan. Bagaimanapun, terdapat pengaturan lain yang melibatkan penubuhan struktur fungsi berasingan.

PA14. Klasifikasi pengaturan bersama yang diperlukan oleh Piawaian ini bergantung kepada hak dan obligasi pihak-pihak yang timbul daripada pengaturan dalam operasi biasa. Piawaian ini mengklasifikasikan pengaturan bersama sebagai sama ada operasi bersama atau usaha sama. Apabila entiti mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, iaitu berkaitan dengan pengaturan, pengaturan tersebut ialah operasi bersama. Apabila entiti mempunyai hak ke atas aset bersih daripada pengaturan, pengaturan tersebut ialah usaha sama. Perenggan PA16–PA33 menetapkan entiti perlu melakukan penilaian untuk



menentukan sama ada entiti tersebut mempunyai kepentingan dalam operasi bersama atau kepentingan dalam usaha sama.

### **Klasifikasi Pengaturan Bersama**

PA15. Seperti yang dinyatakan dalam perenggan PA14, klasifikasi pengaturan bersama memerlukan pihak-pihak untuk menilai hak dan obligasi mereka yang timbul daripada pengaturan. Apabila membuat penilaian tersebut, entiti hendaklah mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Struktur pengaturan bersama (lihat perenggan PA16–PA21).
- (b) Apabila pengaturan bersama distrukturkan melalui pembawa berasingan:
  - (i) Bentuk undang-undang pembawa berasingan (lihat perenggan PA22–PA24);
  - (ii) Terma-terma pengaturan mengikat (lihat perenggan PA25–PA28); dan
  - (iii) Jika berkaitan, fakta dan keadaan lain (lihat perenggan PA29–PA33).

### **Struktur Pengaturan Bersama**

#### *Pengaturan Bersama yang Tidak Distrukturkan Melalui Pembawa Berasingan*

PA16. Pengaturan bersama yang tidak distrukturkan melalui pembawa berasingan ialah operasi bersama. Dalam kes sedemikian, pengaturan mengikat memberikan hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan, dan hak ke atas hasil dan obligasi sepadan terhadap belanja sepadan.

PA17. Pengaturan mengikat selalunya menjelaskan sifat aktiviti yang merupakan subjek dalam pengaturan dan bagaimana untuk menjalankan aktiviti tersebut bersama. Sebagai contoh, pihak-pihak dalam pengaturan bersama boleh bersetuju untuk bersama-sama memberikan perkhidmatan atau mengeluarkan produk, iaitu setiap pihak bertanggungjawab untuk bidang tertentu dan masing-masing menggunakan asetnya sendiri, dan menanggung liabilitinya sendiri. Pengaturan mengikat boleh juga menetapkan bagaimana hasil dan belanja bersama akan dikongsi antara mereka. Dalam kes sedemikian, setiap operator bersama mengiktiraf dalam penyata kewangannya aset dan liabiliti yang digunakan untuk tugas tertentu, dan mengiktiraf bahagian hasil dan belanja masing-masing menurut pengaturan mengikat.

PA18. Dalam kes lain, pihak-pihak dalam pengaturan bersama mungkin bersetuju, sebagai contoh, untuk berkongsi dan mengendalikan aset bersama-sama. Dalam kes sedemikian, pengaturan mengikat menetapkan hak ke atas aset yang dikendalikan bersama, dan bagaimana keluaran atau hasil daripada aset dan kos operasi dikongsi antara mereka. Setiap operator bersama mengakaunkan bahagian aset dan bahagian apa-apa liabiliti yang dipersetujui, dan mengiktiraf bahagian daripada keluaran, hasil dan belanja menurut pengaturan mengikat.

*Pengaturan Bersama yang Distrukturkan Melalui Pembawa Berasingan*


PA19. Pengaturan bersama yang mana aset dan liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan dipegang dalam pembawa berasingan boleh diklasifikasikan sebagai usaha sama atau operasi bersama.

PA20. Sama ada sesuatu pihak ialah operator bersama atau pengusaha niaga bersama bergantung pada haknya ke atas aset, dan obligasinya terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan, yang dipegang dalam pembawa berasingan.

PA21. Seperti yang dinyatakan dalam perenggan PA15, apabila pengaturan bersama dalam pembawa berasingan telah distrukturkan, pihak terlibat perlu menilai sama ada bentuk undang-undang pembawa berasingan, terma-terma pengaturan mengikat dan, jika berkaitan, apa-apa fakta dan keadaan lain memberikan mereka:

- (a) Hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan (iaitu, pengaturan merupakan operasi bersama); atau
- (b) Hak ke atas aset bersih pengaturan (iaitu, pengaturan merupakan usaha sama)

**Klasifikasi Pengaturan Bersama: Penilaian Hak dan Obligasi Pihak-pihak Terlibat yang Timbul daripada Pengaturan**



## Bentuk Undang-Undang Pembawa Berasingan

- PA22. Undang-undang pembawa berasingan adalah relevan apabila menilai jenis pengaturan bersama. Undang-undang membantu dalam penilaian awal hak ke atas aset dan obligasi mereka terhadap liabiliti yang dipegang dalam pembawa berasingan, sama ada pihak terlibat mempunyai kepentingan dalam aset yang dipegang dalam pembawa berasingan dan sama ada mereka bertanggungjawab terhadap liabiliti yang dipegang dalam pembawa berasingan tersebut.
- PA23. Sebagai contoh, pihak terlibat mungkin melaksanakan pengaturan bersama melalui pembawa berasingan, yang mana undang-undangnya menyebabkan pembawa berasingan tersebut dipertimbangkan dalam haknya sendiri (iaitu, aset dan liabiliti yang dipegang dalam pembawa berasingan ialah aset dan liabiliti pembawa berasingan tersebut dan bukannya aset dan liabiliti bersama pihak terlibat). Dalam kes sedemikian, penilaian hak dan obligasi yang diberikan kepada pihak terlibat oleh undang-undang pembawa berasingan menunjukkan bahawa pengaturan tersebut merupakan usaha sama. Walau bagaimanapun, terma-terma yang telah dipersetujui oleh pihak terlibat dalam pengaturan mengikat (lihat perenggan PA25–PA28) dan, jika relevan, fakta dan keadaan lain (lihat perenggan PA29–PA33) boleh mengatasi penilaian hak dan obligasi yang diberikan kepada pihak terlibat oleh bentuk undang-undang pembawa berasingan.
- PA24. Penilaian hak dan obligasi yang diberikan kepada pihak terlibat oleh undang-undang pembawa berasingan adalah mencukupi untuk menentukan bahawa sesuatu pengaturan ialah operasi bersama hanya jika pihak terlibat melaksanakan pengaturan bersama tersebut dalam pembawa berasingan yang undang-undangnya tidak memberikan pemisahan antara pihak terlibat dengan pembawa berasingan (iaitu, aset dan liabiliti yang dipegang dalam pembawa berasingan merupakan aset dan liabiliti pihak-pihak terlibat).

## Menilai Terma-Terma Pengaturan Mengikat

- PA25. Dalam banyak kes, hak dan obligasi yang dipersetujui oleh pihak terlibat dalam pengaturan mengikat adalah konsisten, atau tidak bertentangan, dengan hak dan obligasi yang diberikan kepada pihak terlibat oleh undang-undang pembawa berasingan yang mana pengaturan tersebut telah distrukturkan.
- PA26. Dalam kes lain, pihak terlibat menggunakan pengaturan mengikat untuk membalikkan atau mengubah hak dan obligasi yang diberikan oleh undang-undang pembawa berasingan yang mana pengaturan tersebut telah distrukturkan.

### Contoh Penggunaan

Contoh 4
Andaikan bahawa dua pihak menstrukturkan suatu pengaturan bersama dalam suatu entiti yang diperbadankan. Setiap pihak mempunyai 50 peratus kepentingan pemilikan dalam entiti yang diperbadankan tersebut. Pemerbadanan ini membolehkan pemisahan entiti tersebut daripada

pemilikinya dan, sebagai akibatnya, aset dan liabiliti yang dipegang dalam entiti tersebut merupakan aset dan liabiliti entiti yang diperbadankan tersebut. Dalam kes sedemikian, penilaian hak dan obligasi yang diberikan kepada pihak terlibat oleh undang-undang pembawa berasingan menunjukkan bahawa pihak tersebut mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak terlibat mengubahsuai ciri-ciri perbadanan melalui pengaturan mengikat mereka supaya masing-masing mempunyai kepentingan dalam aset entiti yang diperbadankan dan masing-masing bertanggungjawab terhadap liabiliti entiti yang diperbadankan dalam suatu perkadaran yang ditetapkan. Pengubahsuaian mengikat yang sedemikian terhadap ciri-ciri perbadanan boleh menyebabkan suatu pengaturan menjadi operasi bersama.

PA27. Jadual berikut membandingkan terma lazim dalam pengaturan mengikat pihak terlibat dalam operasi bersama dan terma lazim dalam pengaturan mengikat pihak terlibat dalam usaha sama. Contoh-contoh terma mengikat yang disediakan dalam jadual berikut bukan menyeluruh.

<b>Menilai Terma-Terma Pengaturan Mengikat</b>		
	<b>Operasi Bersama</b>	<b>Usaha Sama</b>
<b>Terma-terma pengaturan mengikat</b>	Pengaturan mengikat memberikan pihak terlibat dalam pengaturan bersama hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan.	Pengaturan mengikat memberikan pihak terlibat dalam pengaturan bersama hak ke atas aset bersih pengaturan (iaitu, pembawa berasingan, bukannya pihak terlibat, yang mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan).
<b>Hak ke atas aset</b>	Pengaturan mengikat menetapkan bahawa pihak terlibat dalam pengaturan bersama berkongsi semua kepentingan (contohnya, hak, hak milik atau pemilikan) dalam aset yang berkaitan dengan pengaturan dalam perkadaran yang ditetapkan (contohnya, berkadaran dengan kepentingan pemilikan pihak terlibat dalam pengaturan atau berkadaran dengan aktiviti yang dijalankan melalui pengaturan yang dikaitkan secara langsung dengan mereka).	Pengaturan mengikat menetapkan bahawa aset yang dibawa ke dalam pengaturan atau kemudiannya diperolehi oleh pengaturan bersama merupakan aset pengaturan. Pihak terlibat tidak mempunyai kepentingan (iaitu, tidak ada hak, hak milik atau pemilikan) dalam aset pengaturan tersebut.
<b>Obligasi terhadap liabiliti</b>	Pengaturan mengikat menetapkan bahawa pihak terlibat dalam pengaturan bersama berkongsi semua liabiliti, obligasi, kos dan belanja dalam perkadaran yang	Pengaturan mengikat menetapkan bahawa pengaturan bersama bertanggungjawab terhadap hutang dan obligasi pengaturan.

	<p>ditetapkan (contohnya, berkadaran dengan kepentingan pemilikan pihak terlibat dalam pengaturannya atau berkadaran dengan aktiviti yang dijalankan melalui pengaturannya yang dikaitkan secara langsung dengan mereka).</p>	<p>Pengaturannya mengikat menetapkan bahawa pihak terlibat dalam pengaturannya bersama bertanggungjawab terhadap pengaturannya hanya setakat pelaburan masing-masing dalam pengaturannya atau obligasi masing-masing untuk menyumbang apa-apa modal belum berbayar atau tambahan kepada pengaturannya, atau kedua-duanya.</p>
--	---	---

<b>Menilai Terma-Terma Pengaturannya Mengikat</b>		
	<b>Operasi Bersama</b>	<b>Usaha Sama</b>
	<p>Pengaturannya mengikat menetapkan bahawa pihak terlibat dalam pengaturannya bersama bertanggungjawab terhadap tuntutan yang dikemukakan oleh pihak ketiga.</p>	<p>Pengaturannya mengikat menyatakan bahawa pemiutang pengaturannya bersama tidak mempunyai hak untuk menuntut dari mana-mana pihak berkaitan dengan hutang atau obligasi pengaturannya.</p>

<p><b>Hasil, belanja, lebih atau kurangan</b></p>	<p>Pengaturan mengikat menetapkan peruntukan hasil dan belanja berdasarkan prestasi relatif setiap pihak dalam pengaturan bersama. Sebagai contoh, pengaturan mengikat mungkin menetapkan bahawa hasil dan belanja diperuntukkan berdasarkan kapasiti yang digunakan oleh setiap pihak dalam suatu loji yang dikendalikan bersama, yang mungkin berbeza daripada kepentingan pemilikan mereka dalam pengaturan bersama. Dalam keadaan lain, pihak terlibat mungkin telah bersetuju untuk berkongsi lebih atau kurangan yang berkaitan dengan pengaturan berdasarkan perkadaran yang ditetapkan seperti kepentingan pemilikan pihak terlibat dalam pengaturan. Ini tidak akan menghalang pengaturan tersebut daripada menjadi operasi bersama jika para pihak mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan tersebut.</p>	<p>Pengaturan mengikat menetapkan bahagian setiap pihak dalam lebih atau kurangan yang berkaitan dengan aktiviti pengaturan.</p>
<p><b>Jaminan</b></p>	<p>Pihak terlibat dalam pengaturan bersama selalunya dikehendaki untuk memberikan jaminan kepada pihak ketiga yang, sebagai contoh, menerima perkhidmatan daripada, atau memberi pembiayaan kepada, pengaturan bersama tersebut. Penyediaan jaminan sedemikian, atau komitmen oleh pihak terlibat untuk menyediakannya, tidak, dengan sendirinya, menentukan bahawa pengaturan bersama ialah operasi bersama. Ciri yang menentukan sama ada pengaturan bersama merupakan operasi bersama atau usaha sama adalah sama ada pihak terlibat mempunyai obligasi terhadap liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan tersebut (kerana sesetengah daripada pihak terlibat mungkin atau mungkin tidak menyediakan jaminan).</p>	

PA 28. Apabila pengaturan mengikat menetapkan bahawa pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan, mereka ialah pihak dalam operasi bersama dan tidak perlu mempertimbangkan fakta dan keadaan lain (perenggan PA29–PA33) untuk tujuan mengklasifikasikan pengaturan bersama.

## Menilai Fakta dan Keadaan Lain

- PA29. Apabila terma-terma pengaturan mengikat tidak menetapkan bahawa pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan, pihak terlibat hendaklah mempertimbangkan fakta dan keadaan lain untuk menilai sama ada pengaturan tersebut merupakan operasi bersama atau usaha sama.
- PA30. Pengaturan bersama mungkin distrukturkan melalui pembawa berasingan yang bentuk undang-undangnya memberikan pemisahan antara pihak terlibat dan pembawa berasingan. Terma-terma mengikat yang dipersetujui antara pihak terlibat mungkin tidak menetapkan hak pihak terlibat ke atas aset dan obligasi mereka terhadap liabiliti, tetapi pertimbangan fakta dan keadaan lain boleh menyebabkan pengaturan sedemikian diklasifikasikan sebagai operasi bersama. Perkara ini akan berlaku apabila fakta dan keadaan lain memberikan pihak terlibat hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan.
- PA31. Apabila aktiviti pengaturan direka bentuk terutamanya untuk penyediaan keluaran kepada pihak terlibat, ini menunjukkan bahawa pihak terlibat mempunyai hak ke atas sebahagian besar daripada semua potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi aset pengaturan tersebut. Pihak terlibat dalam pengaturan sedemikian selalunya memastikan akses mereka kepada keluaran yang disediakan oleh pengaturan dengan mencegah pengaturan daripada menjual keluaran kepada pihak ketiga.
- PA32. Kesan pengaturan dengan reka bentuk dan tujuan sedemikian adalah bahawa liabiliti yang ditanggung oleh pengaturan, pada dasarnya, dipenuhi oleh aliran tunai yang diterima daripada pihak terlibat melalui pembelian keluaran mereka. Apabila pihak terlibat, pada dasarnya, merupakan satu-satunya sumber aliran tunai yang menyumbang kepada kesinambungan operasi pengaturan, ini menunjukkan bahawa pihak terlibat mempunyai obligasi terhadap liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan.

### Contoh Penggunaan

#### Contoh 5

Andaikan bahawa dua pihak menstrukturkan suatu pengaturan bersama dalam entiti yang diperbadankan (entiti C) yang mana setiap pihak mempunyai 50 peratus kepentingan pemilikan. Tujuan pengaturan tersebut adalah untuk menghasilkan bahan-bahan yang diperlukan oleh pihak yang terlibat dalam proses penghasilan masing-masing. Pengaturan tersebut memastikan bahawa pihak yang terlibat mengendalikan kemudahan yang menghasilkan bahan-bahan mengikut spesifikasi kuantiti dan kualiti pihak tersebut.

Pada asalnya, dari sudut aset dan liabiliti yang dipegang dalam entiti C bagi aktiviti yang dijalankan oleh entiti C (entiti yang diperbadankan) merupakan aset dan liabiliti entiti C dari sudut undang-undang. Pengaturan mengikat antara pihak terlibat tidak menentukan bahawa pihak tersebut mempunyai hak ke atas aset atau obligasi terhadap liabiliti entiti C. Oleh yang demikian, undang-undang dan terma-terma pengaturan mengikat menunjukkan bahawa pengaturan tersebut merupakan usaha sama.

Bagaimanapun, para pihak juga mempertimbangkan aspek-aspek pengaturan berikut:

- Pihak terlibat bersetuju untuk membeli semua output yang dihasilkan oleh entiti C pada nisbah 50:50. Entiti C tidak boleh menjual apa-apa output kepada pihak ketiga, melainkan diluluskan oleh kedua-dua pihak dalam pengaturan tersebut. Disebabkan tujuan pengaturan tersebut adalah untuk menyediakan keperluan output pihak yang terlibat, jualan sedemikian kepada pihak ketiga adalah dijangka bukan kebiasaan dan tidak material.
- Harga output yang dijual kepada pihak terlibat ditetapkan oleh kedua-dua pihak pada tahap yang dirangka untuk menampung kos pengeluaran dan belanja pentadbiran yang ditanggung oleh entiti C. Atas dasar model operasi ini, pengaturan tersebut bertujuan untuk beroperasi pada tahap pulang modal.

Daripada contoh di atas, fakta dan keadaan berikut adalah berkaitan:

- Obligasi pihak terlibat untuk membeli semua output yang dihasilkan oleh entiti C menunjukkan pergantungan eksklusif entiti C kepada pihak terlibat untuk penajaan aliran tunai dan, oleh itu, pihak tersebut mempunyai obligasi untuk membiayai penyelesaian liabiliti entiti C.
- Fakta bahawa pihak terlibat yang menggunakan semua potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi aset entiti C mempunyai hak ke atas semua output yang dihasilkan oleh entiti C.


Fakta dan keadaan sedemikian menunjukkan bahawa pengaturan tersebut merupakan operasi bersama. Kesimpulan mengenai klasifikasi pengaturan bersama dalam keadaan ini tidak akan berubah jika, pihak terlibat sebaliknya menggunakan bahagian output mereka sendiri dalam proses pembuatan berikutnya dan menjual bahagian output mereka kepada pihak ketiga.

Jika pihak terlibat mengubah terma-terma pengaturan mengikat supaya pengaturan tersebut dapat menjual output kepada pihak ketiga, ini akan menyebabkan entiti C mengambil alih risiko permintaan, inventori dan kredit. Dalam senario tersebut, perubahan dalam fakta dan keadaan sedemikian akan memerlukan penilaian semula klasifikasi pengaturan bersama tersebut. Fakta dan keadaan sedemikian menunjukkan bahawa pengaturan tersebut merupakan usaha sama.



PA33. Carta aliran berikut menunjukkan penilaian yang entiti patuhi untuk mengklasifikasikan pengaturan apabila pengaturan bersama distrukturkan melalui pembawa berasingan:

### Klasifikasi Pengaturan Bersama yang Distrukturkan Melalui Pembawa Berasingan



## **Penyata Kewangan Pihak Terlibat dalam Pengaturan Bersama (perenggan 23–28)**

### **Perakaunan untuk Jualan atau Sumbangan Aset kepada Operasi Bersama**

PA34. Apabila entiti menjalankan urus niaga dengan operasi bersama yang mana entiti tersebut merupakan operator bersama, seperti penjualan atau sumbangan aset, entiti tersebut menjalankan urus niaga dengan pihak lain dalam operasi bersama tersebut dan, oleh itu, operator bersama tersebut hendaklah mengiktiraf laba dan rugi yang terhasil daripada urus niaga sedemikian hanya setakat kepentingan pihak lain dalam operasi bersama tersebut.

PA35. Apabila urus niaga sedemikian menunjukkan bukti pengurangan dalam nilai realisasi bersih bagi aset yang akan dijual atau disumbangkan kepada operasi bersama, atau kerugian penjejasan nilai aset tersebut, kerugian tersebut hendaklah diiktiraf sepenuhnya oleh operator bersama.

### **Perakaunan untuk Pembelian Aset daripada Operasi Bersama**

PA36. Apabila entiti menjalankan urus niaga dengan operasi bersama yang mana entiti tersebut merupakan operator bersama, seperti pembelian aset, entiti tersebut hendaklah tidak mengiktiraf bahagian laba dan ruginya sehingga entiti tersebut menjual semula aset tersebut kepada pihak ketiga.

PA37. Apabila urus niaga sedemikian menunjukkan bukti pengurangan dalam nilai realisasi bersih bagi aset yang akan dibeli atau kerugian penjejasan nilai aset tersebut, operator bersama hendaklah mengiktiraf bahagiannya dalam kerugian tersebut.

### Pindaan kepada MPSAS Lain

#### MPSAS 2, *Penyata Aliran Tunai*

**Perenggan 47 dan 48 dipinda, perenggan 61(b) dihapuskan dan perenggan 63D ditambahkan seperti berikut:**

47. Apabila mengakaunkan pelaburan dalam entiti bersekutu, usaha sama, atau entiti dikawal menggunakan kaedah ekuiti atau kaedah kos, pelabur menghadkan pelaporannya dalam penyata aliran tunai kepada aliran tunai antara dirinya dan penerima pelaburan, sebagai contoh, kepada dividen atau pengagihan serupa dan pendahuluan.
48. ~~Entiti yang melaporkan kepentingannya dalam entiti dikawal bersama menggunakan penyatuan berkadar memasukkan bahagian berkadarnya dalam aliran tunai entiti dikawal bersama dalam penyata aliran tunai disatukannya.~~ Entiti yang melaporkan kepentingannya dalam entiti bersekutu atau usaha sama menggunakan kaedah ekuiti memasukkan (a) aliran tunai yang berkaitan dengan pelaburannya dalam entiti bersekutu atau usaha sama, entiti dikawal bersama, dan (b) pengagihan dan bayaran atau penerimaan lain antara dirinya dan entiti bersekutu atau usaha sama dalam penyata aliran tunainya. ~~entiti dikawal bersama.~~
61. Maklumat tambahan mungkin relevan kepada pengguna untuk memahami kedudukan kewangan dan kecairan entiti. Pendedahan maklumat ini, bersama dengan keterangan dalam nota kepada penyata kewangan, adalah digalakkan, dan mungkin termasuk:
- (a) Amaun kemudahan pinjaman belum diambil yang mungkin tersedia untuk aktiviti operasi masa hadapan dan untuk menyelesaikan komitmen modal, menunjukkan apa-apa sekatan penggunaan kemudahan ini; dan
  - (b) ~~[Dihapuskan] Agregat amaun aliran tunai daripada setiap aktiviti operasi, pelaburan, dan pembiayaan yang berkaitan dengan kepentingan dalam usaha sama yang dilaporkan menggunakan penyatuan berkadar; dan~~
  - (c) Amaun dan sifat baki tunai terhad.
- 63D. MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MPSAS 37, *Pengaturan Bersama*, diterbitkan pada tahun 2015, perenggan 47 dan 48 dipinda, perenggan 52A dan 52B ditambah dan perenggan 61(b) dihapuskan. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35, dan MPSAS 37.**

---

**MPSAS 4, *Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing***

**Perenggan 3, 10, 13, 21, 38, 50, 51, 55, 57, 58 dipinda dan perenggan 57A–57D dan 71A ditambah seperti berikut:**

3. Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan di bawah dasar perakaunan akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini:
  - (a) Semasa mengakaunkan urus niaga dan baki dalam mata wang asing, kecuali untuk urus niaga dan baki derivatif yang berada dalam skop MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*;
  - (b) Semasa menterjemahkan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan operasi asing yang termasuk dalam penyata kewangan entiti dengan penyatuan, ~~penyatuan berkadar,~~ atau dengan kaedah ekuiti; dan
  - (c) Semasa menterjemahkan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan entiti menjadi mata wang pembentangan.

10. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang ditentukan:**

...

**Operasi asing ialah entiti yang merupakan entiti dikawal, entiti bersekutu, pengaturan ~~usaha sama~~ bersama, atau cawangan entiti pelaporan, yang aktivitinya dilaksanakan di negara atau dalam mata wang yang lain daripada entiti pelaporan.**

13. Faktor tambahan berikut dipertimbangkan untuk menentukan mata wang fungsian operasi asing, dan sama ada mata wang fungsian adalah sama dengan mata wang fungsian entiti pelaporan (entiti pelaporan, dalam konteks ini, merupakan entiti yang mempunyai operasi asing sebagai entiti dikawal, cawangan, entiti bersekutu, atau pengaturan ~~usaha sama~~ bersamanya):

...

21. Banyak entiti pelaporan terdiri daripada sejumlah entiti individu (contohnya, suatu entiti ekonomi terdiri daripada satu entiti mengawal dan satu atau lebih entiti dikawal). Pelbagai jenis entiti, sama ada anggota kepada entiti ekonomi atau sebaliknya, mungkin mempunyai pelaburan dalam entiti bersekutu atau pengaturan ~~usaha sama~~ bersama. ....

38. Apabila item monetari membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing oleh entiti pelaporan, dan item itu didenominasi dalam mata wang fungsian entiti pelaporan itu, perbezaan pertukaran timbul dalam penyata kewangan individu operasi asing itu menurut perenggan 32. Jika item tersebut didenominasi dalam mata wang fungsian bagi operasi asing itu, perbezaan pertukaran timbul dalam penyata kewangan berasingan entiti pelaporan itu menurut perenggan 32. Jika item tersebut didenominasi dalam mata wang selain mata wang fungsian entiti pelaporan atau operasi asing itu, perbezaan pertukaran timbul dalam penyata kewangan berasingan entiti pelaporan itu dan dalam penyata kewangan individu operasi asing itu menurut

perenggan 32. Perbezaan pertukaran tersebut dikelaskan semula kepada komponen berasingan aset bersih/ekuiti dalam penyata kewangan yang termasuk operasi asing dan entiti pelaporan (iaitu penyata kewangan bagi operasi asing yang disatukan, ~~disatukan secara berkadar~~, atau yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti).

50. Selain perenggan 43-49, perenggan 51-56 juga terpakai jika prestasi kewangan dan kedudukan kewangan operasi asing diterjemah kepada mata wang pembentangan, bagi membolehkan operasi asing itu dimasukkan dalam penyata kewangan entiti pelaporan melalui penyatuan, ~~penyatuan berkadar~~ atau kaedah ekuiti.
51. Penggabungan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan bagi operasi asing dan entiti pelaporan dilakukan menurut prosedur penyatuan yang biasa, seperti penyingkiran baki dan urus niaga dalam satu entiti ekonomi (rujuk MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan ~~MPSAS 6 dan MPSAS 8, Kepentingan dalam Usaha Sama.~~)
55. Pelarasan dibuat bagi perubahan yang signifikan dalam kadar pertukaran sehingga tarikh pelaporan bagi entiti pelaporan menurut MPSAS 35~~6~~. Pendekatan yang sama diambil apabila menggunakan kaedah ekuiti terhadap entiti bersekutu dan usaha sama, ~~dan apabila menggunakan penyatuan berkadar bagi usaha sama~~ menurut MPSAS 36~~7~~, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, ~~dan MPSAS 8.~~

#### **Pelupusan atau Pelupusan Separa Operasi Asing**

57. **Semasa pelupusan operasi asing, amaun kumulatif perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan operasi asing dan terkumpul dalam tertunda-dalam komponen berasingan bagi aset bersih/ekuiti yang berkaitan dengan operasi asing itu hendaklah dikelaskan semula daripada aset bersih/ekuiti kepada diiktiraf dalam lebih atau kurang apabila laba atau rugi pelupusan tersebut diiktiraf (rujuk MPSAS 1, Pembentangan Penyata Kewangan).**
- 57A. Selain daripada pelupusan kepentingan keseluruhan entiti dalam operasi asing, berikut adalah pelupusan separa yang diakaunkan sebagai pelupusan:
  - (a) Apabila pelupusan separa melibatkan kehilangan kawalan ke atas entiti yang dikawal termasuk operasi asing, tidak kira sama ada entiti tersebut mengekalkan kepentingan bukan mengawal dalam entiti yang dikawal sebelumnya selepas pelupusan separa tersebut; dan
  - (b) Apabila kepentingan tertahan selepas pelupusan separa kepentingan dalam pengaturan bersama atau pelupusan separa kepentingan dalam entiti bersekutu yang termasuk operasi asing adalah aset kewangan yang termasuk operasi asing.
- 57B. Semasa pelupusan entiti yang dikawal termasuk operasi asing, perbezaan pertukaran amaun terkumpul yang berkaitan dengan operasi asing tersebut yang dikaitkan dengan kepentingan bukan kawalan hendaklah dipindahkan secara langsung kepada lebih/kurang terkumpul.

**57C. Semasa pelupusan separa entiti yang dikawal yang termasuk operasi asing, entiti hendaklah mengaitkan semula bahagian berkadaran bagi perbezaan pertukaran amaun kumulatif yang terkumpul dalam kategori berasingan aset bersih/ekuiti kepada kepentingan bukan kawalan dalam operasi asing tersebut. Dalam mana-mana pelupusan separa operasi asing yang lain, entiti hendaklah memindahkan kepada lebih/kurangan terkumpul hanya bahagian berkadaran perbezaan pertukaran amaun kumulatif yang terkumpul dalam aset bersih/ekuiti.**

57D. Pelupusan separa kepentingan entiti dalam operasi asing adalah sebarang pengurangan dalam kepentingan pemilikan entiti dalam operasi asing, kecuali pengurangan dalam perenggan 57A yang diakaunkan sebagai pelupusan.

58. Entiti boleh melupuskan atau pelupusan separa kepentingannya dalam operasi asing melalui penjualan, pembubaran, pembayaran balik modal disumbang, atau penghentian semua atau sebahagian entiti tersebut. Pembayaran dividen atau pengagihan yang serupa hanya menjadi sebahagian daripada pelupusan apabila ia membentuk pulangan ke atas pelaburan itu, contohnya apabila dividen atau pengagihan yang serupa dibayar daripada lebihan prapemerolehan. ~~Dalam kes pelupusan separa, hanya bahagian berkadaran bagi perbezaan pertukaran terkumpul yang berkaitan dimasukkan dalam laba atau rugi.~~ Turun nilai amaun bawaan bagi operasi asing, sama ada disebabkan oleh kerugiannya sendiri atau disebabkan penjejasan nilai yang diiktiraf oleh entiti yang memegang kepentingan, tidak membentuk pelupusan separa. Oleh itu, tiada laba atau rugi pertukaran asing tertunda diiktiraf dalam lebihan atau kurangan pada masa turun nilai.

**71A. MPSAS 35 dan MPSAS 37, Pengaturan Bersama, diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 3(b), 10, 13, 21, 22, 38, 47, 50 hingga 51, 53, 55, dan 57 hingga 58 dan tambahan perenggan 57A hingga 57D. Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.**

### ***MPSAS 9, Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran***

**Perenggan 10(b) dipinda dan perenggan 42B ditambah seperti berikut:**

10. Piawaian ini tidak mengendalikan hasil yang timbul daripada:

- (a) Perjanjian pajakan (rujuk MPSAS 13, Pajakan);
- (b) Dividen atau pengagihan serupa yang terhasil daripada pelaburan yang menggunakan kaedah ekuiti (rujuk MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama);

....

**42B. MPSAS 37, Pengaturan Bersama, diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 10(b). Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 37.**

### ***MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka***

**Perenggan 37 dipinda dan perenggan 111B ditambah seperti berikut:**

37. Jika entiti bertanggungjawab secara bersama atau berasingan terhadap obligasi, bahagian obligasi yang dijangka akan diselesaikan oleh pihak yang lain dianggap sebagai liabiliti luar jangka. Contohnya, dalam kes hutang pengaturan bersama ~~usaha sama~~, bahagian obligasi yang akan diselesaikan oleh pihak lain yang terlibat dalam pengaturan bersama ~~usaha sama~~ tersebut dianggap sebagai liabiliti luar jangka. Entiti mengiktiraf peruntukan bagi bahagian obligasi yang terdapatnya kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan, kecuali dalam keadaan yang jarang berlaku apabila anggaran pasti tidak dapat dibuat.

**111B. MPSAS 37, Pengaturan Bersama, diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 37. Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila menggunakan MPSAS 37.**

**MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan**

**Perenggan 4 dan 15 dipinda dan perenggan 42A ditambah seperti berikut:**

4. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang ditentukan:**

...

Pihak berkaitan bermaksud beberapa pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai kemampuan untuk:

- (a) mengawal pihak yang lain; atau
- (b) melaksanakan pengaruh signifikan terhadap pihak yang lain dalam membuat keputusan berkenaan kewangan dan operasi, atau jika entiti pihak berkaitan dan entiti yang lain adalah tertakluk kepada kawalan yang sama.

Pihak berkaitan termasuk:

- (a) Entiti yang secara langsung, atau tidak langsung melalui satu atau lebih perantara, mengawal, atau dikawal oleh, entiti pelaporan tersebut;
- (b) Entiti Bersekutu (rujuk MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama);

...

Pengaruh signifikan (bagi tujuan Piawaian ini) ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan berkenaan dasar kewangan dan operasi entiti, tetapi bukan untuk mengawal dasar tersebut. Pengaruh signifikan boleh dilaksanakan dalam beberapa cara, lazimnya melalui perwakilan dalam lembaga pengarah atau badan pentadbiran yang setara dengannya, malah juga melalui penyertaan dalam, sebagai contoh:

- (a) proses pengubalan dasar,

- (b) urus niaga yang material antara beberapa entiti dalam entiti ekonomi,
- (c) pertukaran personel pengurusan, atau
- (d) kebergantungan pada maklumat teknikal.

Pengaruh signifikan boleh diperoleh melalui kepentingan pemilikan, undang-undang, atau perjanjian. Berkenaan dengan kepentingan pemilikan, pengaruh signifikan diandaikan selaras dengan takrifan yang terkandung dalam MPSAS 367.

15. Takrif pihak berkaitan termasuk entiti yang dimiliki oleh personel pengurusan utama, ahli keluarga terdekat individu tersebut atau pemegang saham utama (atau setara jika entiti tidak mempunyai struktur ekuiti yang formal) entiti pelaporan tersebut. Takrif pihak berkaitan juga termasuk keadaan apabila satu pihak mempunyai kemampuan untuk melaksanakan pengaruh signifikan ke atas pihak yang lain. Dalam sektor awam, individu atau entiti mungkin diberikan tanggungjawab pengawasan untuk entiti pelaporan, yang memberikan mereka pengaruh signifikan, tetapi bukan kawalan, terhadap keputusan kewangan dan operasi entiti pelaporan tersebut. Bagi tujuan Piawaian ini, pengaruh signifikan adalah merangkumi usaha sama entiti yang tertakluk kepada kawalan bersama.

**42A. MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan, dan MPSAS 37, Pengaturan Bersama, diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 4 dan 15. Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.**

### **MPSAS 21, Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai**

**Perenggan 13 dipinda dan perenggan 82C ditambah seperti berikut:**

13. Pelaburan dalam:

....

- (b) Entiti bersekutu, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama; dan
- (c) Pengaturan bersama ~~Usaha sama~~, seperti yang ditakrifkan dalam ~~MPSAS 8, Kepentingan dalam Usaha Sama~~; MPSAS 37, Pengaturan Bersama;

....

**82C. MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan, dan MPSAS 37 diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 13. Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.**

### **MPSAS 26, Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai**

**Perenggan 12 dipinda dan perenggan 47A ditambah seperti berikut:**



12. Pelaburan dalam:

...

- (b) Entiti bersekutu, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama; dan
- (c) Pengaturan Bersama ~~usaha sama~~, seperti yang ditakrifkan dalam ~~MPSAS 8, Kepentingan dalam Usaha Sama~~ MPSAS 37, Pengaturan Bersama;

**47A. MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan, dan MPSAS 37 diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 12. Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.**

### **MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Pembentangan**

Perenggan 3(a) dipinda dan perenggan 60A ditambah seperti berikut:

3. Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan mengikut perakaunan asas akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk semua jenis instrumen kewangan kecuali:

- (a) **Kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama yang diakaunkan menurut MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 356, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan, MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, atau MPSAS 8, Kepentingan dalam Usaha Sama. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah kes, MPSAS 34, MPSAS 35 atau MPSAS 36 ~~MPSAS 6, MPSAS 7, atau MPSAS 8~~ mengkehendaki atau membenarkan entiti mengakaunkan kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama menggunakan MPSAS 29;...**

**60A. MPSAS 35 dan MPSAS 37, Pengaturan Bersama, diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 3(a). Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.**

### ***MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran***

Perenggan 2(a) dipinda dan perenggan 125B ditambah seperti berikut:

2. Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti untuk semua jenis instrumen kewangan, kecuali:

- (a) **Kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu dan usaha sama yang ~~diakaunkan diperakaunkan di bawah~~ menurut dalam MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 356, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan, atau MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, atau MPSAS 8, Kepentingan dalam Usaha Sama. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, MPSAS 34,**

MPSAS 35 or MPSAS 36 hendaklah atau membenarkan suatu entiti memperakaunkan kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama yang menurut sebahagian atau semua keperluan piawaian ini. Walau bagaimanapun, entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini kepada kepentingan dalam entiti terkawal, entiti bersekutu atau usaha sama yang menurut MPSAS 6, MPSAS 7 atau MPSAS 8 diperakaunkan di bawah Piawaian ini.

125B. MPSAS 35 dan MPSAS 37, Pengaturan Bersama, diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 2(a), 17, 89, AG2, AG14, AG51–53 dan C2. Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.

**Dalam Lampiran A, perenggan-PA2 dan PA14 dipinda seperti berikut:**

Pelaburan dalam Entiti Dikawal, Entiti Bersekutu dan Usaha Sama

PA2. Kadang-kadang, entiti membuat apa yang dilihatnya sebagai "pelaburan strategik" dalam instrumen ekuiti yang dikeluarkan oleh entiti lain, dengan niat untuk mewujudkan atau mengekalkan hubungan operasi jangka panjang dengan entiti yang mana pelaburan dibuat. Pelabur atau entiti pengusaha niaga bersama mengguna pakai MPSAS 367, untuk menentukan sama ada kaedah ekuiti perakaunan sesuai untuk pelaburan sedemikian. ~~Begitu juga, entiti pelabur mengguna pakai MPSAS 8 untuk menentukan sama ada penyatuan berkadar atau kaedah ekuiti sesuai untuk pelaburan sedemikian. Jika kedua-dua kaedah ekuiti dan penyatuan berkadar tidak~~ tidak sesuai, entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk pelaburan strategik tersebut.

PA14. Contoh-contoh berikut menunjukkan bila syarat ini boleh dipenuhi. Dalam semua kes, entiti boleh menggunakan syarat ini untuk menetapkan aset kewangan atau liabiliti kewangan seperti pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit hanya jika prinsip dalam perenggan 10(b)(ii) dipenuhi.

- (a) Entiti ialah organisasi modal usaha niaga, dana bersama, amanah saham atau entiti serupa yang perniagaannya melabur dalam aset kewangan dengan tujuan untuk memperoleh keuntungan daripada jumlah pulangan mereka dalam bentuk faedah, dividen atau pengagihan serupa dan perubahan pada nilai saksama. ~~MPSAS 367 dan MPSAS 8 membolehkan~~ pelaburan sedemikian tidak dimasukkan dalam skop mereka dengan syarat pelaburan tersebut diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit menurut Piawaian ini. Entiti boleh mengguna pakai dasar perakaunan yang sama untuk pelaburan lain yang diuruskan berdasarkan jumlah pulangan, tetapi yang mana pengaruhnya tidak mencukupi untuk berada dalam skop MPSAS 367 atau MPSAS 8.

**Dalam Lampiran C, perenggan C2 dipinda seperti berikut:**

C2. Perakaunan lindung nilai untuk risiko mata wang asing yang timbul daripada pelaburan bersih dalam operasi asing hanya akan digunakan apabila aset bersih operasi asing tersebut dimasukkan dalam penyata kewangan. Ini kes yang akan berlaku untuk penyata kewangan disatukan, penyata kewangan yang mana pelaburan seperti entiti bersekutu atau usaha sama diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti, ~~dan penyata kewangan yang mana kepentingan pengusaha niaga dalam usaha sama disatukan secara berkadar dan penyata kewangan yang termasuk cawangan~~

atau operasi bersama seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 37. Item yang dilindung nilai berhubung dengan risiko mata wang asing yang timbul daripada pelaburan bersih dalam operasi asing mungkin ialah amaun aset bersih yang sama dengan atau kurang daripada amaun bawaan aset bersih operasi asing tersebut.

### **MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan**

**Perenggan 3(a) dipinda dan perenggan 52A ditambah seperti berikut:**

3. **Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti untuk semua jenis instrumen kewangan, kecuali:**
  - (a) **Kepentingan dalam entiti yang dikawal, entiti bersekutu, atau usaha sama yang diakaunkan menurut MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 356, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan, MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, atau MPSAS 8, Kepentingan dalam Usaha Sama. Namun, dalam sesetengah kes, MPSAS 34, MPSAS 35 atau MPSAS 37 ~~MPSAS 6, MPSAS 7, atau MPSAS 8~~ mengkehendaki atau membenarkan entiti mengakaunkan kepentingan dalam entiti yang dikawal, entiti bersekutu, atau usaha sama menggunakan MPSAS 29; dalam kes tersebut,....**

**52A. MPSAS 35 dan MPSAS 37 diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 3(a). Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.**

### **MPSAS 31, Aset Tak Ketara**

**Perenggan 6(d) dipinda dan perenggan 132A ditambah seperti berikut:**

6. Jika MPSAS yang lain menentukan perakaunan untuk jenis aset tak ketara yang khusus, entiti mengguna pakai MPSAS tersebut dan bukan Piawaian ini. Contohnya, Piawaian ini tidak terpakai kepada:
  - (a) ...
  - (d) **Aset kewangan seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 28. Pengiktirafan dan pengukuran sesetengah aset kewangan dibincangkan dalam MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 356, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan, MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, dan MPSAS 8, Kepentingan dalam Usaha Sama; dan....**

**132A. MPSAS 35 dan MPSAS 37, Pengaturan Bersama, diterbitkan pada tahun 2015, pindaan pada perenggan 6(d). Entiti hendaklah menggunakan pindaan tersebut apabila mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.**

## CONTOH-CONTOH ILUSTRASI

### KANDUNGAN

---

	Perenggan
Perkhidmatan Pembinaan .....	CI2–CI8
Pusat Perkhidmatan Dikendalikan Bersama .....	CI9–CI13
Peruntukan Bersama Perkhidmatan Hidup Dibantu .....	CI14–CI20
Pembuatan dan Pengedaran Bersama Produk .....	CI21–CI35
Bank Dikendalikan Bersama .....	CI36–CI40
Aktiviti Cari Gali, Pembangunan dan Pengeluaran Minyak dan Gas .....	CI41–CI50
Pengaturan Gas Asli Cecair .....	CI51–CI59

---

## Contoh-Contoh Ilustrasi

*Contoh-contoh ini disertakan bersama, tetapi bukan sebahagian daripada, MPSAS 37.*

CI1. Contoh-contoh ini memaparkan situasi hipotesis yang menggambarkan pertimbangan yang mungkin digunakan apabila menggunakan MPSAS 37 dalam situasi yang berlainan. Walaupun beberapa aspek dari contoh tersebut mungkin wujud dalam corak fakta sebenar, semua fakta relevan dan keadaan yang berkaitan dengan corak fakta tertentu perlu dinilai apabila menggunakan MPSAS 37.

### Contoh 1 – Perkhidmatan Pembinaan

CI2. A dan B (pihak terlibat) merupakan dua entiti yang aktiviti mereka termasuk penyediaan banyak jenis perkhidmatan pembinaan awam dan swasta. Entiti A ialah entiti sektor swasta. Entiti B adalah milik kerajaan. Mereka mewujudkan pengaturannya mengikat untuk bekerjasama bagi tujuan memenuhi kontrak dengan kerajaan untuk reka bentuk dan pembinaan jalan antara dua bandar. Pengaturannya mengikat tersebut menentukan bahagian penyertaan A dan B dan menetapkan kawalan bersama ke atas pengaturannya tersebut, yang subjeknya adalah penyerahan jalan. Pengaturannya bersama tersebut tidak akan lagi terlibat setelah jalan tersebut disiapkan. Jalan tersebut akan diserahkan kepada kerajaan pada masa disiapkan.

CI3. Pihak-pihak terlibat menubuhkan satu pembawa berasingan (entiti Z) yang bertujuan untuk melaksanakan pengaturannya. Entiti Z, bagi pihak A dan B, menandatangani kontrak dengan kerajaan. Selain itu, aset dan liabiliti yang berkaitan dengan pengaturannya dipegang dalam entiti Z. Ciri utama bentuk sah entiti Z adalah pihak-pihak terlibat, yang mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti entiti tersebut, bukannya entiti Z.

CI4. Pengaturannya mengikat antara A dan B menetapkan sebagai tambahan bahawa:

- (a) Hak ke atas semua aset yang diperlukan untuk melaksanakan aktiviti pengaturannya yang dikongsi oleh pihak-pihak terlibat berdasarkan bahagian penyertaan mereka dalam pengaturannya;
- (b) Pihak-pihak terlibat mempunyai tanggungjawab berasingan dan bersama terhadap semua obligasi operasi dan kewangan yang berkaitan dengan aktiviti pengaturannya berdasarkan bahagian penyertaan mereka dalam pengaturannya; dan
- (c) Lebihan atau kekurangan yang terhasil daripada aktiviti pengaturannya dikongsi oleh A dan B berdasarkan bahagian penyertaan mereka dalam pengaturannya.

CI5. Untuk tujuan penyelarasan dan pengawasan aktiviti, A dan B melantik seorang pengurus projek, yang akan menjadi pekerja kepada salah satu pihak. Selepas masa yang ditetapkan, penggiliran peranan pengurus projek tersebut akan berpindah kepada pekerja pihak yang satu lagi. A dan B bersetuju aktiviti yang akan dilaksanakan oleh pekerja-pekerja berasaskan "tiada laba atau rugi".

- CI6. Menurut terma-terma yang ditetapkan dalam kontrak dengan kerajaan, entiti Z mengeluarkan invois untuk perkhidmatan pembinaan kepada kerajaan bagi pihak-pihak terlibat.

### **Analisis**

- CI7. Pengaturan bersama dilaksanakan melalui pembawa berasingan yang bentuk sah tidak memberikan pemisahan antara pihak-pihak terlibat dan pembawa berasingan (iaitu, aset dan liabiliti yang dipegang dalam entiti Z merupakan aset dan liabiliti pihak-pihak terlibat). Ini diperkuatkan dengan terma-terma yang dipersetujui oleh pihak-pihak terlibat dalam pengaturan mengikat, yang menyatakan bahawa A dan B mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan yang dilaksanakan melalui entiti Z. Pengaturan bersama ini merupakan operasi bersama. Pengaturan bersama ini bukannya pengaturan konsesi perkhidmatan.
- CI8. A dan B mengiktiraf dalam penyata kewangan mereka bahagian aset masing-masing (contohnya, hartanah, loji, dan peralatan, akaun belum terima) dan bahagian mereka daripada sebarang liabiliti yang terhasil daripada pengaturan (contohnya, akaun belum bayar kepada pihak ketiga) berdasarkan bahagian penyertaan mereka yang dipersetujui. Setiap pihak juga mengiktiraf bahagian hasil dan belanja masing-masing yang terhasil daripada perkhidmatan pembinaan yang diberikan kepada kerajaan melalui entiti Z.

### **Contoh 2 - Pusat Perkhidmatan Dikendalikan Bersama**

- CI9. Dua entiti (pihak-pihak terlibat) menubuhkan satu pembawa berasingan (entiti X) untuk tujuan mewujudkan dan mengendalikan suatu pusat perkhidmatan bersama. Pengaturan mengikat antara pihak-pihak terlibat menetapkan kawalan bersama ke atas aktiviti yang dilaksanakan dalam entiti X. Ciri utama bentuk sah entiti X adalah entiti tersebut mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan, bukan pihak-pihak terlibat. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuk peruntukan ruang pejabat untuk perkhidmatan, menguruskan tempat letak kereta, menyelenggara pusat dan peralatannya, seperti lif, untuk membina reputasi pusat perkhidmatan dan menguruskan pangkalan pelanggan untuk pusat tersebut.
- CI10. Terma-terma pengaturan mengikat adalah seperti itu:
- (a) Entiti X memiliki pusat perkhidmatan tersebut. Pengaturan mengikat tidak menyatakan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas pusat perkhidmatan tersebut.
  - (b) Pihak-pihak terlibat tidak bertanggungjawab terhadap hutang, liabiliti atau obligasi entiti X. Jika entiti X tidak mampu membayar mana-mana hutang atau liabiliti lainnya atau menunaikan obligasinya kepada pihak ketiga, liabiliti bagi setiap pihak kepada mana-mana pihak ketiga akan terhad kepada amaun belum dibayar daripada sumbangan modal pihak tersebut.
  - (c) Pihak-pihak terlibat mempunyai hak untuk menjual atau mencagarkan kepentingan mereka dalam entiti X.

- (d) Setiap pihak membayar bahagian belanjanya untuk mengendalikan perkhidmatan mengikut bahagian kepentingannya dalam entiti X.

### **Analisis**

- CI11. Pengaturan bersama dilaksanakan melalui pembawa berasingan yang bentuk sahnyanya menyebabkan pembawa berasingan dipertimbangkan dalam haknya yang tersendiri (iaitu, aset dan liabiliti yang dipegang dalam pembawa berasingan merupakan aset dan liabiliti pembawa berasingan tersebut dan bukannya aset dan liabiliti pihak-pihak tersebut). Selain itu, terma-terma pengatur mengikat tidak menentukan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, atau obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan tersebut. Sebaliknya, terma-terma pengatur mengikat menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat hanya mempunyai hak ke atas aset bersih entiti X.
- CI12. Berdasarkan penerangan di atas, tiada fakta dan keadaan lain yang menunjukkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas sebahagian besar daripada semua potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi aset yang berkaitan dengan pengaturan, dan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai obligasi terhadap liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan. Pengaturan bersama ini merupakan usaha sama.
- CI13. Pihak-pihak terlibat mengiktiraf hak mereka ke atas aset bersih entiti X sebagai pelaburan dan mengakaunkan pelaburan tersebut menggunakan kaedah ekuiti.

### **Contoh 3 – Peruntukan Bersama Perkhidmatan Hidup Dibantu**

- CI14. Penyedia penjagaan kesihatan sektor awam (entiti X) dan pemaju hartanah besar (entiti Y) membuat perjanjian untuk bekerjasama bagi menyediakan perkhidmatan hidup dibantu untuk warga tua. Entiti X dan entiti Y menubuhkan satu syarikat berasingan (entiti Z). Bentuk sah syarikat tersebut memberikan hak ke atas aset dan obligasi terhadap liabiliti kepada syarikat itu sendiri. Perjanjian antara entiti X dan entiti Y memerlukan semua keputusan dibuat secara bersama. Perjanjian tersebut juga mengesahkan bahawa:
- (a) Entiti X akan menyediakan perkhidmatan hidup dibantu. Entiti Y akan membina premis.
  - (b) Aset pengaturan dimiliki oleh entiti Z (syarikat tersebut). Tiada pihak yang akan boleh menjual, mencagar, memindah atau sebaliknya menggadaikan aset entiti Z.
  - (c) Liabiliti pihak-pihak terlibat adalah terhad kepada sebarang modal entiti Z yang belum dibayar.
  - (d) Setiap pihak membayar belanja mengikut bahagiannya untuk mengendalikan perkhidmatan menurut kepentingannya dalam entiti Z.
  - (d) Keuntungan entiti Z akan diagihkan kepada entiti X dan entiti Y secara 40:60, mengikut kepentingan masing-masing dalam pengaturan.

**Analisis**

- CI15. Pengaturan bersama dilaksanakan melalui pembawa berasingan yang bentuk sahnyanya menyebabkan pembawa berasingan dipertimbangkan dalam haknya yang tersendiri (iaitu, aset dan liabiliti yang dipegang dalam pembawa berasingan merupakan aset dan liabiliti pembawa berasingan tersebut dan bukannya aset dan liabiliti pihak-pihak terlibat). Selain itu, terma-terma pengaturan mengikat tidak menetapkan pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, atau obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan tersebut. Sebaliknya, terma-terma pengaturan mengikat menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset bersih entiti Z.
- CI16. Berdasarkan penerangan di atas, tiada fakta dan keadaan lain yang menunjukkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas sebahagian besar daripada kesemua potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi aset yang berkaitan dengan pengaturan, atau pihak-pihak terlibat mempunyai obligasi terhadap liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan. Pengaturan bersama ini merupakan usaha sama.
- CI17. Pihak-pihak terlibat mengiktiraf hak mereka ke atas aset bersih entiti Z sebagai pelaburan dan mengaunkan pelaburan tersebut menggunakan kaedah ekuiti.

**Variasi**

- CI18. Penyedia penjagaan kesihatan sektor awam (entiti X) dan pemaju hartanah besar (entiti Y) membuat perjanjian untuk bekerjasama bagi menyediakan perkhidmatan hidup dibantu untuk warga tua. Perjanjian antara entiti X dan entiti Y memerlukan semua keputusan dibuat secara bersama. Perjanjian tersebut mengesahkan bahawa:
- (a) Entiti X akan membekalkan aset operasi termasuk peralatan pejabat, kenderaan bermotor dan perabot serta kelengkapan untuk premis hidup dibantu.
  - (b) Entiti Y akan membina dan akan terus memiliki premis tersebut. Entiti Y juga akan bertanggungjawab untuk penyelenggaraan berterusan premis itu. Entiti Y tidak boleh menjual premis tersebut tanpa terlebih dahulu menawarkan hak untuk membeli premis kepada entiti X. Entiti Y berhak mendapat 100% daripada apa-apa laba daripada penjualan terakhir premis tersebut.
  - (c) Perkhidmatan akan disediakan melalui entiti baharu, entiti Z, yang ditubuhkan untuk tujuan ini.
  - (d) Setiap pihak akan membayar 50% daripada belanja untuk mengendalikan perkhidmatan.
  - (e) Sebarang keuntungan daripada penyediaan perkhidmatan hidup dibantu akan dikongsi sama rata antara entiti X dan entiti Y.



- (f) Entiti X akan bertanggungjawab untuk menguruskan kakitangan dan sebarang liabiliti yang timbul daripada tuntutan ketidakpuasan hati peribadi dan isu-isu kesihatan dan keselamatan.
- (g) Entiti Y akan bertanggungjawab untuk liabiliti bagi memperbaiki sebarang kecacatan dalam premis atau perubahan kepada premis yang diperlukan untuk memenuhi kod kesihatan dan keselamatan serta perubahan dalam kod tersebut.

### **Analisis Variasi**

- CI19. Walaupun perkhidmatan disediakan melalui pembawa berasingan, entiti X dan entiti Y tetap memiliki aset yang digunakan untuk menyediakan perkhidmatan. Pengaturan bersama ini merupakan operasi bersama.
- CI20. Entiti X dan entiti Y mengiktiraf dalam penyata kewangan mereka aset dan liabiliti masing-masing. Mereka juga mengiktiraf bahagian hasil dan belanja yang terhasil daripada penyediaan perkhidmatan hidup dibantu melalui entiti Z.

### **Contoh 4 – Pembuatan dan Penedaran Bersama Produk**

- CI21. Entiti A dan entiti B (pihak-pihak terlibat) telah menyediakan perjanjian strategik dan operasi (perjanjian rangka kerja) yang mereka telah bersetuju dengan terma-terma iaitu mereka akan menjalankan pembuatan dan pendedaran suatu produk (produk P) di pasaran yang berbeza.
- CI22. Pihak-pihak terlibat telah bersetuju untuk melaksanakan aktiviti pembuatan dan pendedaran dengan mewujudkan pengaturan bersama, seperti yang dijelaskan di bawah:
  - (a) Aktiviti pembuatan: pihak-pihak terlibat telah bersetuju untuk melaksanakan aktiviti pembuatan melalui pengaturan bersama (pengaturan pembuatan). Pengaturan pembuatan tersebut distrukturkan dalam suatu pembawa berasingan (entiti M) yang bentuk sahnya menyebabkan entiti M dipertimbangkan dalam haknya yang tersendiri (iaitu, aset dan obligasi yang dipegang dalam entiti M merupakan aset dan obligasi entiti M dan bukannya aset dan obligasi pihak-pihak terlibat). Menurut perjanjian rangka kerja, pihak-pihak terlibat telah memberi komitmen untuk membeli keseluruhan pengeluaran produk P yang dihasilkan oleh pengaturan pembuatan mengikut kepentingan pemilikan mereka dalam entiti M. Pihak-pihak terlibat kemudiannya menjual produk P kepada pengaturan lain, yang dikawal bersama oleh dua pihak itu sendiri, yang telah diwujudkan secara eksklusif untuk pendedaran produk P seperti yang dijelaskan di bawah. Perjanjian rangka kerja atau pengaturan mengikat antara A dan B yang mengendalikan aktiviti pembuatan tiada menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan aktiviti pembuatan.
  - (b) Aktiviti pendedaran: pihak-pihak terlibat telah bersetuju untuk melaksanakan aktiviti pendedaran melalui pengaturan bersama (pengaturan pendedaran). Pihak-pihak terlibat telah menstrukturkan pengaturan pendedaran tersebut distrukturkan dalam suatu pembawa berasingan (entiti D) yang bentuk sahnya menyebabkan entiti D dipertimbangkan dalam haknya yang tersendiri (iaitu, aset dan liabiliti yang dipegang

dalam entiti D merupakan aset dan liabiliti entiti D dan bukannya aset dan liabiliti pihak-pihak terlibat). Menurut perjanjian rangka kerja, pengaturan pengedaran memesan keperluannya untuk produk P daripada pihak-pihak terlibat menurut keperluan pasaran yang berbeza yang pengaturan pengedaran tersebut menjual produk tersebut. Perjanjian rangka kerja atau pengaturan mengikat antara A dan B yang mengendalikan aktiviti pengedaran tiada menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan aktiviti pengedaran.

CI23. Selain itu, perjanjian rangka kerja menetapkan:

- (a) Pengaturan pembuatan akan menghasilkan produk P bagi memenuhi keperluan untuk produk P yang pengaturan pengedaran telah ditetapkan ke atas pihak-pihak terlibat;
- (b) Terma-terma komersial yang berkaitan dengan penjualan produk P oleh pengaturan pembuatan kepada pihak-pihak terlibat. Pengaturan pembuatan akan menjual produk P kepada pihak-pihak terlibat pada harga yang dipersetujui oleh A dan B yang meliputi semua kos pengeluaran yang ditanggung. Selepas itu, pihak-pihak terlibat menjual produk tersebut kepada pengaturan pengedaran pada harga yang dipersetujui oleh A dan B.
- (c) Sebarang kekurangan tunai yang mungkin ditanggung oleh pengaturan pembuatan akan dibiayai oleh pihak-pihak terlibat menurut kepentingan pemilikan mereka dalam entiti M.

### **Analisis**

CI24. Perjanjian rangka kerja yang menetapkan terma-terma supaya pihak A dan B melaksanakan pembuatan dan pengedaran produk P. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan melalui pengaturan bersama yang tujuannya sama ada pembuatan atau pengedaran produk P.

CI25. Pihak-pihak terlibat melaksanakan pengaturan pembuatan melalui entiti M yang bentuk sahnya memberikan pemisahan antara pihak-pihak terlibat dan entiti tersebut. Selain itu, perjanjian rangka kerja atau pengaturan mengikat yang mengendalikan aktiviti pembuatan tiada menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan aktiviti pembuatan. Bagaimanapun, apabila mempertimbangkan fakta dan keadaan berikut, pihak-pihak terlibat telah merumuskan bahawa pengaturan pembuatan tersebut ialah operasi bersama:

- (a) Pihak-pihak terlibat telah memberi komitmen untuk membeli keseluruhan produk P yang dihasilkan oleh pengaturan pembuatan. Kesannya, A dan B mempunyai hak ke atas sebahagian besar daripada semua potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi aset pengaturan pembuatan.
- (b) Pengaturan pembuatan menghasilkan produk P untuk memenuhi keperluan kuantiti dan kualiti pihak-pihak terlibat supaya mereka boleh memenuhi permintaan untuk produk P daripada pengaturan pengedaran. Kebergantungan eksklusif pada pengaturan pembuatan

kepada pihak-pihak terlibat untuk penjanaaan aliran tunai dan pihak-pihak terlibat memberi komitmen untuk menyediakan dana apabila pengaturan pembuatan menanggung sebarang kekurangan tunai yang menunjukkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai obligasi terhadap liabiliti daripada pengaturan pembuatan, kerana liabiliti tersebut akan diselesaikan melalui pembelian produk P atau melalui penyediaan dana secara langsung oleh pihak-pihak terlibat.

- CI26. Pihak-pihak terlibat melaksanakan aktiviti pengedaran melalui entiti D, yang bentuk sahnya memberikan pemisahan antara pihak-pihak terlibat dan entiti tersebut. Selain itu, perjanjian rangka kerja atau pengaturan mengikat yang mengendalikan aktiviti pengedaran tiada menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan aktiviti pengedaran.
- CI27. Tiada fakta dan keadaan lain yang menunjukkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas sebahagian besar daripada semua potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi aset yang berkaitan dengan pengaturan pengedaran atau pihak-pihak terlibat mempunyai obligasi terhadap liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan tersebut. Pengaturan pengedaran ini merupakan usaha sama.
- CI28. A dan B mengiktiraf dalam penyata kewangan mereka bahagian aset masing-masing (contohnya, hartanah, loji dan peralatan, tunai) dan bahagian mereka daripada sebarang liabiliti yang terhasil daripada pengaturan pembuatan (contohnya, akaun belum bayar kepada pihak ketiga) berdasarkan kepentingan pemilikan mereka dalam entiti M. Setiap pihak juga mengiktiraf bahagian belanjanya yang terhasil daripada pembuatan produk P yang ditanggung oleh pengaturan pembuatan dan bahagian hasilnya yang berkaitan dengan penjualan produk P kepada pengaturan pengedaran.
- CI29. Pihak-pihak terlibat mengiktiraf hak mereka ke atas aset bersih daripada pengaturan pengedaran sebagai pelaburan dan mengakaunkan pelaburan tersebut menggunakan kaedah ekuiti.

### **Variasi**

- CI30. Diandaikan bahawa pihak-pihak terlibat bersetuju bahawa pengaturan pembuatan yang dijelaskan di atas bertanggungjawab bukan sahaja untuk pembuatan produk P, tetapi juga untuk pengedarannya kepada pelanggan pihak ketiga.
- CI31. Pihak-pihak terlibat juga bersetuju untuk mewujudkan suatu pengaturan pengedaran seperti yang dijelaskan di atas untuk mengedarkan produk P secara eksklusif untuk membantu dalam meluaskan pengedaran produk P dalam pasaran spesifik tambahan.
- CI32. Pengaturan pembuatan juga menjual produk P secara langsung kepada pengaturan pengedaran. Tiada perkadaran tetap pengeluaran pengaturan pembuatan komited untuk dibeli oleh, atau untuk dikhaskan kepada, pengaturan pengedaran.

**Analisis Variasi**

- CI33. Variasi tersebut tidak menjejaskan sama ada bentuk sah pembawa berasingan yang mana aktiviti pembuatan dilaksanakan mahupun terma-terma mengikat yang berkaitan dengan hak pihak-pihak terlibat ke atas aset, dan obligasi mereka terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan aktiviti pembuatan. Bagaimanapun, variasi tersebut menyebabkan pengaturan pembuatan menjadi pengaturan dibiayai sendiri kerana pengaturan tersebut dapat menjalankan aktiviti perdagangan bagi pihaknya sendiri, mengedarkan produk P kepada pelanggan pihak ketiga dan, menyebabkan, menanggung risiko permintaan, inventori dan kredit. Walaupun pengaturan pembuatan mungkin juga menjual produk P kepada pengaturan pengedaran, dalam senario ini pengaturan pembuatan tidak bergantung kepada pihak-pihak terlibat untuk melaksanakan aktivitinya secara berterusan. Dalam kes ini, pengaturan pembuatan ini merupakan usaha sama.
- CI34. Variasi tersebut tidak memberi kesan ke atas klasifikasi pengaturan pengedaran sebagai usaha sama.
- CI35. Pihak-pihak terlibat mengiktiraf hak mereka ke atas aset bersih pengaturan pembuatan dan hak mereka ke atas aset bersih pengaturan pengedaran sebagai pelaburan dan mengakaunkan mereka menggunakan kaedah ekuiti.

**Contoh 5 – Bank Dikendalikan Bersama**

- CI36. Bank A, adalah bank milik kerajaan, dan bank B, adalah bank milik swasta, (pihak-pihak terlibat) bersetuju untuk menggabungkan aktiviti korporat, perbankan pelaburan, pengurusan aset dan perkhidmatan tertentu dengan mewujudkan satu pembawa berasingan (bank C). Kedua-dua pihak mengharapkan pengaturan tersebut untuk memberikan manfaat kepada mereka dengan cara yang berbeza. Bank A percaya bahawa pengaturan tersebut membolehkannya untuk mencapai pelan strategik bagi meningkatkan keuntungan dengan memperbesar tawaran produk dan perkhidmatan. Bank B berharap pengaturan tersebut dapat mengukuhkan tawarannya dalam simpanan kewangan dan pemasaran produk.
- CI37. Ciri utama bentuk sah bank C menyebabkan pembawa berasingan dipertimbangkan dalam haknya yang tersendiri (iaitu, aset dan liabiliti yang dipegang dalam pembawa berasingan merupakan aset dan liabiliti pembawa berasingan tersebut dan bukannya aset dan liabiliti para pihak). Bank A dan bank B masing-masing mempunyai 40 peratus kepentingan pemilikan dalam bank C, dengan baki 20 peratus disenaraikan dan dipegang secara meluas. Perjanjian antara bank A dan bank B mewujudkan kawalan bersama terhadap aktiviti bank C.
- CI38. Selain itu, bank A dan bank B membuat suatu perjanjian tidak boleh batal walaupun dalam pertikaian, kedua-dua bank bersetuju untuk menyediakan dana yang diperlukan pada jumlah yang sama dan, jika perlu, secara bersama dan berasingan, memastikan bahawa bank C mematuhi perundangan dan peraturan perbankan yang terpakai, dan memenuhi sebarang komitmen yang dibuat kepada pihak berkuasa perbankan. Komitmen ini mewakili andaian iaitu setiap pihak menyediakan 50 peratus daripada sebarang dana yang diperlukan bagi memastikan bank C mematuhi perundangan dan peraturan perbankan.

**Analisis**

- CI39. Pengaturan bersama dilaksanakan melalui pembawa berasingan yang bentuk sahnya memberikan pemisahan antara pihak-pihak terlibat dan pembawa berasingan. Terma-terma pengaturan mengikat tidak menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, atau obligasi terhadap liabiliti, bank C, tetapi terma tersebut menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset bersih bank C. Komitmen oleh pihak-pihak terlibat untuk memberi sokongan jika bank C tidak dapat mematuhi perundangan dan peraturan perbankan tidak dengan sendirinya menjadi penentu bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai obligasi terhadap liabiliti bank C. Tiada fakta dan keadaan lain yang menunjukkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas sebahagian besar daripada manfaat ekonomi aset bank C dan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai obligasi terhadap liabiliti bank C. Pengaturan bersama ini merupakan usaha sama.
- CI40. Kedua-dua bank A dan B mengiktiraf hak mereka ke atas aset bersih bank C sebagai pelaburan dan mengakaunkan pelaburan tersebut menggunakan kaedah ekuiti.

**Contoh 6 – Aktiviti Cari Gali, Pembangunan dan Pengeluaran Minyak dan Gas**

- CI41. Entiti A dan B (pihak-pihak terlibat) menubuhkan satu pembawa berasingan (entiti H) dan Perjanjian Operasi Bersama (JOA) untuk melaksanakan aktiviti cari gali, pembangunan dan pengeluaran minyak dan gas di negara O. Ciri utama bentuk sah entiti H menyebabkan pembawa berasingan dipertimbangkan dalam haknya tersendiri (iaitu, aset dan liabiliti yang dipegang dalam pembawa berasingan adalah aset dan liabiliti pembawa berasingan tersebut dan bukannya aset dan liabiliti pihak-pihak terlibat).
- CI42. Negara O telah memberikan permit kepada entiti H untuk aktiviti cari gali, pembangunan dan pengeluaran minyak dan gas yang akan dijalankan di blok tanah (medan) yang ditetapkan khusus.
- CI43. Perjanjian dan JOA yang dipersetujui oleh pihak-pihak terlibat menetapkan hak dan obligasi mereka yang berkaitan dengan aktiviti tersebut. Terma-terma utama perjanjian tersebut diringkaskan seperti di bawah.

**Perjanjian**

- CI44. Lembaga pengarah entiti H terdiri daripada seorang pengarah daripada setiap pihak. Setiap pihak mempunyai 50 peratus pegangan dalam entiti H. Persetujuan sebulat suara daripada pengarah-pengarah tersebut adalah diperlukan untuk meluluskan sebarang resolusi.

**Perjanjian Operasi Bersama (JOA)**

- CI45. JOA mewujudkan suatu Jawatankuasa Operasi. Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang wakil daripada setiap pihak. Setiap pihak mempunyai 50 peratus kepentingan penyertaan dalam Jawatankuasa Operasi tersebut.

- CI46. Jawatankuasa Operasi meluluskan belanjawan dan program kerja yang berkaitan dengan aktiviti, yang juga memerlukan persetujuan sebulat suara daripada wakil setiap pihak. Salah satu pihak dilantik sebagai operator dan bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan program kerja yang diluluskan.
- CI47. JOA menetapkan bahawa hak dan obligasi yang timbul daripada aktiviti cari gali, pembangunan dan pengeluaran hendaklah dikongsi bersama antara pihak-pihak terlibat mengikut perkadaran pegangan masing-masing dalam entiti H. Khususnya, JOA menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat berkongsi:
- (a) Hak dan obligasi yang timbul daripada permit cari gali dan pembangunan yang diberikan kepada entiti H (contohnya, permit, liabiliti pemulihan, sebarang royalti dan cukai perlu bayar);
  - (b) Pengeluaran yang diperolehi; dan
  - (c) Semua kos yang berkaitan dengan semua program kerja.
- CI48. Kos yang ditanggung berhubung dengan semua program kerja ditampung dengan panggilan tunai kepada pihak-pihak terlibat. Jika salah satu pihak gagal untuk memenuhi obligasi monetari, pihak yang satu lagi diperlukan untuk menyumbang kepada entiti H amaun yang dimungkirkan tersebut. Amaun dimungkirkan dianggap sebagai hutang yang dihutang oleh pihak yang mungkir kepada pihak yang lain.

### **Analisis**

- CI49. Pihak-pihak terlibat melaksanakan pengaturan bersama melalui pembawa berasingan yang bentuk sahnya memberikan pemisahan antara pihak-pihak terlibat dan pembawa berasingan. Pihak-pihak terlibat telah dapat membalikkan pentaksiran awal hak dan obligasi mereka yang wujud daripada bentuk sah pembawa berasingan yang pengaturan tersebut dilaksanakan. Mereka telah melakukan perkara ini dengan menyetujui terma-terma dalam JOA yang memberikan mereka hak ke atas aset (contohnya, permit cari gali dan pembangunan, pengeluaran, dan lain-lain aset yang timbul daripada aktiviti) dan obligasi terhadap liabiliti (contohnya, semua kos dan obligasi yang timbul daripada program kerja) yang dipegang dalam entiti H. Pengaturan bersama ini merupakan operasi bersama.
- CI50. Kedua-dua entiti A dan entiti B mengiktiraf dalam penyata kewangan, bahagian aset dan sebarang liabiliti mereka sendiri yang terhasil daripada pengaturan berdasarkan kepentingan penyertaan yang telah dipersetujui oleh mereka. Atas dasar itu, setiap pihak juga mengiktiraf bahagian hasilnya (daripada penjualan bahagian pengeluaran mereka) dan bahagian belanjanya.

### **Contoh 7 – Pengaturan Gas Asli Cecair**

- CI51. Entiti A memiliki medan gas belum dibangun yang mengandungi sumber gas yang banyak. Entiti A menentukan bahawa medan gas tersebut akan berdaya maju daripada segi ekonomi hanya jika gas dijual kepada pelanggan di pasaran luar negara. Untuk melakukannya, fasiliti

gas asli cecair (LNG) mesti dibina untuk mencairkan gas supaya boleh diangkut dengan kapal ke pasaran luar negara.

- CI52. Entiti A mengadakan pengaturan bersama dengan entiti B untuk membangun dan mengendalikan medan gas dan kemudahan LNG. Di bawah pengaturan tersebut, entiti A dan B (pihak-pihak terlibat) bersetuju untuk menyumbangkan medan gas dan tunai, masing-masing, kepada satu pembawa berasingan baharu, entiti C. Sebagai pertukaran untuk sumbangan tersebut, setiap pihak menerima 50 peratus kepentingan pemilikan dalam entiti C. Ciri utama bentuk sah entiti C menyebabkan pembawa berasingan dipertimbangkan dalam haknya tersendiri (iaitu, aset dan liabiliti yang dipegang dalam pembawa berasingan merupakan aset dan liabiliti pembawa berasingan tersebut dan bukannya aset dan liabiliti pihak-pihak terlibat).
- CI53. Pengaturan mengikat antara pihak-pihak terlibat menentukan bahawa:
- (a) Entiti A dan B masing-masing mesti melantik dua orang anggota ke lembaga pengarah entiti C. Lembaga pengarah tersebut mesti bersetuju secara sebulat suara dengan strategi dan pelaburan yang dibuat oleh entiti C.
  - (b) Pengurusan harian medan gas dan kemudahan LNG, termasuk aktiviti pembangunan dan pembinaan, akan dilaksanakan oleh kakitangan entiti B menurut arahan yang dipersetujui bersama oleh pihak-pihak terlibat. Entiti C akan membayar balik kepada entiti B untuk kos yang ditanggung dalam menguruskan medan gas dan fasiliti LNG.
  - (c) Entiti C bertanggungjawab untuk cukai dan royalti atas pengeluaran dan penjualan LNG serta liabiliti lain yang ditanggung dalam urusan perniagaan biasa, seperti akaun belum bayar, pemulihan tapak dan liabiliti penamatan tugas.
  - (c) Entiti A dan B mempunyai bahagian yang sama dalam lebih daripada aktiviti yang dilaksanakan dalam pengaturan dan, oleh itu, berhak mendapat bahagian yang sama daripada sebarang dividen atau pengagihan serupa yang dibuat oleh entiti C.
- CI54. Pengaturan mengikat tidak menyatakan bahawa salah satu pihak mempunyai hak ke atas aset, atau obligasi terhadap liabiliti entiti C.
- CI55. Lembaga pengarah entiti C memutuskan untuk mengadakan pengaturan pembiayaan dengan sindiket pemberi pinjaman untuk membantu membiayai pembangunan medan gas dan pembinaan kemudahan LNG. Anggaran jumlah kos pembangunan dan pembinaan adalah RM1,000 juta. <sup>1</sup>
- CI56. Sindiket pemberian pinjaman memberikan pinjaman RM700 juta kepada entiti C. Pengaturan menyatakan bahawa sindiket mempunyai hak untuk menuntut kepada entiti A dan B hanya jika entiti C mungkir terhadap pengaturan pinjaman semasa pembangunan medan dan pembinaan fasiliti LNG. Sindiket pemberian pinjaman bersetuju bahawa sindiket tersebut tidak akan mempunyai hak untuk menuntut kepada entiti A dan B setelah fasiliti LNG memulakan pengeluaran kerana sindiket tersebut telah mentaksir bahawa aliran masuk tunai yang harus dijana oleh entiti C daripada penjualan LNG akan mencukupi untuk memenuhi

pembayaran balik pinjaman. Walaupun pada masa ini pemberi pinjaman tidak mempunyai hak untuk menuntut kepada entiti A dan B, sindiket tetap dilindungi terhadap mungkir oleh entiti C dengan mengambil gadai janji ke atas fasiliti LNG.

### Analisis

- CI57. Pengaturan bersama dilaksanakan melalui pembawa berasingan yang bentuk sahnya memberikan pemisahan antara pihak-pihak terlibat dan pembawa berasingan. Terma-terma pengaturan mengikat tidak menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset, atau obligasi terhadap liabiliti entiti C, tetapi menetapkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas aset bersih entiti C. Sifat hak untuk tuntutan pengaturan pembiayaan semasa pembangunan medan gas dan pembinaan fasiliti LNG (iaitu, entiti A dan B menyediakan jaminan berasingan pada fasa ini) tidak, dengan sendirinya, mengenakan ke atas pihak-pihak terlibat obligasi terhadap liabiliti entiti C (iaitu, pinjaman tersebut merupakan liabiliti entiti C). Entiti A dan B mempunyai liabiliti berasingan, yang merupakan jaminan mereka untuk membayar balik pinjaman jika entiti C mungkir semasa fasa pembangunan dan pembinaan.
- CI58. Tiada fakta dan keadaan lain yang menunjukkan bahawa pihak-pihak terlibat mempunyai hak ke atas sebahagian besar daripada kesemua potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi aset entiti C dan pihak-pihak terlibat mempunyai obligasi terhadap liabiliti entiti C. Pengaturan bersama ini merupakan usaha sama.
- CI59. Pihak-pihak terlibat mengiktiraf hak mereka ke atas aset bersih entiti C sebagai pelaburan dan mengakaunkan pelaburan tersebut menggunakan kaedah ekuiti.

---

<sup>1</sup> Dalam contoh ini, amaun monetari dinyatakan dalam 'unit mata wang (RM)'



### **Perbandingan dengan IPSAS 37**

MPSAS 37, Pengaturan Bersama digubal berasaskan kepada IPSAS 37. Perbezaan utama antara MPSAS 37 dan IPSAS 37 adalah seperti berikut:

- Dalam perenggan 6, MPSAS 37 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan yang diluluskan dan diterbitkan oleh MASB, manakala IPSAS 37 menjelaskan bahawa GBE menggunakan IFRS yang diterbitkan oleh IASB.